



KERATAN AKHBAR

ISU-ISU SEMASA INTEGRITI

TAHUN 2025 (FEBRUARI)

UNIT INTEGRITI DAN PEMODENAN PENTADBIRAN
MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU



BERITA HARIAN

02.02.2025 (AHAD)

Ops Sky

'Guna selebriti promosi syarikat'

SPRM dedah artis dibayar ratusan ribu ringgit untuk yakinkan orang awam

Oleh Ilah Hafiz Aziz
illahhafiz.abdulaziz@bh.com.my

Kuala Lumpur: Beberapa selebriti, termasuk artis legenda dan ikon inspirasi dalam siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) kerana pembabitan dengan sebuah syarikat perunding kewangan yang bersekongkol dengan pegawai bank tempatan bagi menawarkan pinjaman.

SPRM mendapati artis terbabit dikaitkan dengan kegiatan syarikat perunding kewangan berkenaan berikut penahanan 27 individu, termasuk lapan pengarah syarikat dan 18 pegawai bank oleh Bahagian Pencegahan Pengubahan Wang Haram (AML) dalam Ops Sky hasil kerjasama Bank Negara Malaysia (BNM), baru-baru ini.

Melalui Ops Sky juga, SPM mendedahkan sejumlah RM700 juta pinjaman bank diluluskan kepada peminjam yang kemudiannya terjerat dengan sindiket yang

kononnya menawarkan bantuan kewangan, tetapi mengaut sekurang-kurangnya 35 peratus daripada jumlah pinjaman yang diluluskan bank-bank pada satu masa.

BH difahamkan, selebriti terbabit dibayar sehingga ratusan ribu ringgit bagi menggunakan wajah mereka meyakinkan orang awam menggunakan perkhidmatan mereka.

Malah difahamkan, ada antara mereka dibayar mencecah sehingga RM400,000 hanya untuk menjadi 'duta rasmi' kepada perkhidmatan syarikat berkenaan.

Siasatan juga mendapati syarikat terbabit turut aktif menjalankan program hiburan membabitkan selebriti dalam usaha menarik 'pelanggan' mereka.

SPRM juga mendapati sindiket turut melabur sejumlah wang yang banyak untuk penciptaan lagu membabitkan penyanyi tersohor negara.

Dipanggil beri keterangan
Ketua Pesuruhjaya SPM, Tan Sri Azam Baki ketika dihubungi BH, mengesahkan perkara berkenaan dan berkata siasatan mengenai pembabitan selebriti menjadi antara aspek dalam siasatan Ops Sky.

"Katanya, selebriti terbabit yang menerima bayaran lumayan akan turut dipanggil memberi keterangan dalam siasatan Ops Sky.

Siasatan turut menjuruskan pembabitan selebriti ini kerana mereka dibayar dengan bayaran yang lumayan.

Azam Baki,
Ketua
Pesuruhjaya
SPRM



Azam juga mengesahkan siasatan turut dapati syarikat kewangan berkenaan melantik beberapa selebriti untuk dijadikan sebagai 'duta' kempen dengan bayaran tertentu yang mencecah ratusan ribu ringgit.

"Siasatan turut menjuruskan pembabitan selebriti ini kerana mereka dibayar dengan bayaran yang lumayan," katanya tetapi enggan mengulas lanjut kerana kes dalam siasatan.

SPRM sebelum ini menumpaskan kegiatan rasuah dan pengubahan wang haram membabitkan syarikat perunding ke-



wang yang bersekongkol dengan pegawai bank di beberapa institusi kewangan.

Dalam operasi itu, sebanyak 98 akaun syarikat dan individu bernilai lebih RM22 juta dibekukan SPRM berhubung sindiket pengubahan wang haram didalangi syarikat perunding kewangan.

Malah mangsa tidak memperoleh semua pinjaman, sebaliknya perlu membayar peratusan tertentu kepada syarikat, iaitu sekurang-kurangnya 35 peratus daripada jumlah pinjaman yang diluluskan.

Dalam operasi itu, SPRM susah menyita sembilan kendaraan pelbagai jenama terdiri Ferrari F8 Spider, Lexus RC300, Mercedes-Benz GLC43, BMW, Toyota Alphard, Mazda dan Honda, serta wang tunai lebih RM300,000 selain mata wang Hong Kong (HKD) 95,000 (RM54,985), 17 jam tangan mewah dianggarkan berjumlah lebih RM11.1 juta; lima unit beg tangan berjenama dianggarkan bernilai lebih RM430,000 dan lima set barang kemas dianggarkan berjumlah lebih RM50,000.



BERITA HARIAN
02.02.2025 (AHAD)

Pusingan kerja kakitangan JKDM lonjak kutipan cukai tahun lalu

Langkah turut pecahkan mentaliti 'silo' dalam kalangan warga kerja

Oleh Sariha Mohd Ali dan Mahaui Ishak
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Pusingan kerja dan pertukaran membabitkan kakitangan jawatan sensitif yang dilaksanakan dalam Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), didapati menghasilkan kesan signifikan kepada hasil kutipan cukai dan budaya kerja dalam kalangan mereka yang terbabit.

Seramai 691 daripada keseluruhan 840 pegawai JKDM terbabit dengan pertukaran dan pusingan kerja pada tahun lalu dalam kalangan mereka yang memang jawatan sensitif.

Seramai 282 daripada pegawai berkenaan ialah kategori Kumpulan Pengurusan dan Profesional, manakala 409 lagi daripada Kumpulan Pelaksana.

Walaupun pusingan kerja itu mendapat tentangan pada peringkat awal pelaksanaannya, namun ia menghasilkan kesan signifikan berdasarkan jumlah kutipan cukai diperoleh RM65.57 bilion pada tahun lalu yang lebih sasaran ditetapkan.

Malah, langkah pertukaran itu juga memecahkan mentaliti 'silo' dalam kalangan warga kerja, apabila pegawai didorong mema-



Penjawat awam lebih 5 tahun di kaunter akan ditukar

Keratan akbar BH 21 Januari lalu.

bami keseluruhan fungsi jabatan dan tidak bertumpu kepada se suatu fungsi sahaja.

Ketua Pengarah Kastam, Datuk Anis Rizana Mohd Zainudin, mendedahkan di antara pegawai yang terbabit dalam pusingan kerja adalah mereka yang sudah bertugas lebih 30 tahun di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).

Beliau berkata, langkah pusingan kerja itu juga berjaya memupuk budaya kerjasama dan mengurangkan halangan komu-

nikasi antara bahagian dan pegawai yang melihat jabatan mereka di tempatkan itu daripada perspektif berbeza.

"Saya akui tindakan menukarkan pegawai berkemidmat melebihi tiga tahun bagi perjawatan sensitif dan lima tahun bagi petugas kaunter menerusi pusingan kerja, tidak disenangi sebelum ini, tetapi perlu dilakukan bagi membendung gejala rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa.

"Menerus pusingan kerja itu, mereka dapat mencuba pendekatan baharu yang boleh mempertingkat lagi keberkesanan organisasi, seterusnya menjadikan JKDM lebih berkesan dan bersinergi.

"Jadi, bagi memastikan budaya kerja berintegriti di JKDM, kita akan terus melakukan pu-

singan ini, manakala pegawai yang terhabit dengan siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) ditukarkan ke penempatan berisiko rendah," katanya kepada BH.

Anis Rizana

datam laporan media sebelum ini berkata, pihaknya sentiasa bekerjasama dengan semua agensi, termasuk SPMR dan tidak akan berkompromi dengan kakitangan-

nya terbabit salah laku.

In

i susulan kes terbaru

membabitkan enam pegawai

JKDM ditahan berkaitan sindiket

penyeludupan dan pengela-

kuan

cukai rokok elektronik dan

vape dengan ketirisan mencecah

hampir RM8 juta selepas SPMR

menahan dua lori mencurigakan

ketika keluar dari Pusat Pemeriksaan Kargo KLIA.

Kakitangan terbabit ditukar serta-merta ke bahagian berisiko rendah sehingga siasatan sele-

si. Tindakan ini terdiri

Sementara itu, Anis Rizana mendahkan, sepanjang tahun lalu, 56 tindakan tatatertib diambil Cawangan Integriti JKDM terhadap kakitangan yang dikesan melanggar tata kelakuan sebagai penjawat awam.

Katanya, pemeriksaan mengikut juga dilakukan terhadap 14 tempat di seluruh negara bagi memantau disiplin kakitangan.

"Saya sendiri melakukan 63 pe-

meriksaan mengejut terhadap

pejabat JKDM di seluruh negara setakat akhir tahun lalu.

"Antara lain, saya melakukan penyamaran untuk melihat sen-

diri operasi atau masalah sebe-

nar di stesen terbabit," katanya.



SPRM menahan 13 individu termasuk enam pegawai kastam dalam Ops Airways membabitkan sindiket penyeludupan vape di Pusat Kargo KLIA.
(Foto Ihsan SPMR)



BERITA HARIAN
02.02.2025 (AHAD)

SPRM giat jalankan risikan kesan sindiket lain dalang seludup vape

Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) giat menjalankan risikan bagi mengesan sekiranya ada sindiket lain yang turut mendalangi penyeludupan rokok elektronik atau vape ke negara ini.

Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM, Datuk Seri Ahmad Khusairi Yahaya, tidak menolak kemungkinan wujudnya sindiket yang beroperasi di pintu masuk lain ke negara ini, susulan kejayaan menumpaskan sindiket penyeludupan vape me-

nerusi Pusat Kargo Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), baru-baru ini.

"Buat masa sekarang tiada tangkapan baharu. Bagaimanapun, ada pegawai kastam yang kini berada dalam radar pihak SPRM.

"Bahagian perisikan sedang giat menjalankan siasatan lanjut bagi mengenal pasti semua suspek yang terbabit," katanya.

Baru-baru ini, SPRM menumpaskan satu sindiket penyeludupan vape di Pusat Kargo KLIA, selepas menahan 14 individu, ter-

masuk enam pegawai kastam yang disyaki bersekongkol dalam kegiatan berkenaan.

Sindiket itu dibongkar menerusi Ops Airways, menyaksikan semua suspek lolak berusia di antara 20 hingga 60 itu ditahan dalam serbuan sekitar KLIA dan Putrajaya, mengakibatkan negara mengalami kerugian dari segi kutipan cukai yang dianggarkan RM8 juta.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Bakri, dilaporkan berkata, beberapa dokumen berkaitan turut dirampas, termasuk *air*

waybill, pesanan belian, invois, baucar bayaran, arahan penyebaran, ePAM serta dokumen K1.

Beliau berkata, beberapa aset boleh alih berkaitan kes itu turut disita dengan 12 akaun dibekukan setakat ini, manakala pegawai kastam ditahan itu bermula dari Gred WK19 hingga WK22.

"Seorang daripada mereka disyaki berperanan sebagai 'collector' menerima rasuah RM4,000 hingga RM6,000 sehari, sebelum rasuah itu diagih-agihkan antara pegawai kastam yang lain," katanya.

“Buat masa sekarang tiada tangkapan baharu. Bagaimanapun, ada pegawai kastam yang kini berada dalam radar pihak SPRM”

Ahmad Khusairi Yahaya,
Timbalan
Ketua Pesuruhjaya
(Operasi)
SPRM





BERITA HARIAN
04.02.2025 (SELASA)

Ada bayaran dibuat taja konsert, gubah lagu bagi pihak sindiket

Oleh Itah Hafiz Aziz
illahhafiz.abdulaziz@bh.com.my

Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) akan mengambil keterangan tiga selebriti untuk membantu siasatan Ops Sky,

minggu ini.

Ketua Pesuruhjaya SPM, Tan Sri Azam Baki mengesahkan ketiga-tiga selebriti itu akan dipanggil oleh pegawai penyiasat minggu ini.

Beliau berkata, pihaknya akan memaklumkan tarikh mereka akan dipanggil tidak lama lagi.

"Ya benar mereka akan dipanggil minggu ini dan beberapa daripadanya sudah mengeluarkan kenyataan," katanya semalam.

Tiga selebriti termasuk seorang penyanyi terkenal, seorang pelakon dan seorang lagi ikon inspirasi.

BH difahamkan siasatan itu

akan dilakukan oleh Bahagian Pencegahan Pengubahan Wang Haram (AML) bersama Bank Negara (BNM).

Sejak tiga minggu lalu, BH turut melaporkan SPRM menumpaskan kegiatan rasuah dan pengubahan wang haram membabitkan syarikat perunding kewangan dengan pegawai bank di beberapa institusi kewangan.

Sebelum ini Azam berkata, daripada keterangan dan sejak maknai kewangan yang diperoleh, selebriti itu menerima bayaran antara RM150,000 hingga



Azam Baki

Hasil kerjasama BNM

Siasatan terhadap selebriti berkenaan susulan penahanan sekurang-kurangnya 27 individu termasuk lapan pengarah syarikat dan 18 pegawai bank oleh AML

dalam Ops Sky hasil kerjasama BNM.

Selebriti dibayar sebagai imej untuk menyakinkan orang ramai bagi menggunakan perkhidmatan mereka.

Melalui Ops Sky juga, SPRM mendedahkan sejumlah RM700 juta pinjaman bank diluluskan kepada peminjam yang kemudian terjerat dengan sindiket yang kononnya menawarkan bantuan kewangan, tetapi mengaut sekurang-kurangnya 35 peratus daripada jumlah pinjaman yang diluluskan bank-bank pada satu masa.

**Jalaluddin terkejut,
Ziana enggan ulas - Muka 30**



SINAR HARIAN
05.02.2025 (RABU)

Bekas pegawai kanan Jabatan Ketua Menteri Melaka direman kes rasuah

MELAKA - Bekas Ketua Penolong Setiausaha di Jabatan Ketua Menteri Melaka direman lima hari bagi membantu siasatan berhubung kes rasuah membabitkan penyalahgunaan kuasa dan kedudukannya pada tahun lalu.

Perintah reman terhadap suspek wanita berusia 42 tahun itu bermula Selasa hingga Sabtu ini dikeluarkan oleh Majistret Sharda Shienha Mohd Suleiman selepas mendapat permohonan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Suspek yang masih lagi dalam perkhidmatan ditahan ketika hadir di Pejabat SPRM Melaka kira-kira jam 4.50 petang di sini pada Isnin.

Sumber berkata, bekas pegawai kanan itu disyaki meminta sumbangan bagi Program Hari Keluarga/Sasaran Kerja Tahunan berjumlah RM5,000 sedangkan program itu tidak wujud dan wang tersebut telah digunakan bagi tujuan peribadi.

"Suspek juga secara tidak jujur menggunakan wang sumbangan duit raya berjumlah



Suspek wanita berusia 42 tahun (tengah) dibawa ke Mahkamah Majistret Melaka pada Selasa.

keseluruhan RM600 yang sepatutnya diberikan kepada 30 orang petugas di bawah seliaannya untuk kegunaan diri," katanya.

Kes disiasat mengikut Seksyen 23(1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 yang memperuntukkan hukuman denda tidak kurang daripada lima kali ganda jumlah

atau nilai suapan yang menjadi hal perkara kesalahan itu jika suapan itu dapat dinilai atau berbentuk wang atau RM10,000, mengikut mana-mana yang lebih tinggi dan penjara tidak melebihi 20 tahun, jika sabit kesalahan.

Sementara itu, Pengarah SPRM Melaka, Adi Supian Shafie ketika dihubungi mengesahkan tangkapan dan reman tersebut.



SINAR HARIAN

06.02.2025 (KHAMIS)

3 selebriti akan beri keterangan kepada SPRM hari ini

SHAH ALAM - Tiga selebriti akan hadir memberi keterangan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) pada Khamis, bagi membantu siasatan membabitkan sindiket syarikat perunding kewangan.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki berkata, mereka akan hadir pada jam 10 pagi di Ibu Pejabat SPRM Putrajaya.

"Ini tak bermaksud mereka adalah suspek. Mereka hanya dipanggil untuk dirakam keterangan bagi melengkapkan kertas siasatan," katanya pada Rabu.

Pada Ahad lepas, Azam mengesahkan pihaknya akan memanggil selebriti terbabit termasuk seorang artis terkenal yang dikaitkan dengan syarikat perunding kewangan yang tumpas dalam Op Sky.

Pada Januari lalu, SPRM berjaya menumpaskan kegiatan rasuah dan pengubahan wang haram membabitkan syarikat perunding kewangan serta pegawai bank di beberapa institusi kewangan.

Dalam isu berasingan, Azam memberitahu, SPRM telah mengadakan perbincangan dengan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) berhubung dakwaan salah laku ahli lembaga penasihatnya yang dikaitkan dengan pemberian projek bernilai RM4 juta.

"Saya telah berbincang dengan Datuk Seri Maimunah Mohd Sharif (Datuk Bandar Kuala Lumpur) semalam (Selasa) dan beliau setuju untuk berkongsi dokumen mengenai isu ini dengan kami.

"Biar pegawai penyiasat saya menganalisis



AZAM BAKI



SINAR HARIAN
07.02.2025 (KHAMIS)

Ops Sky: SPRM kesan modus operandi baharu

Galakkan peminjam promosi syarikat untuk labur semula

Oleh ROSKHOIRAH YAHYA
PUTRAJAYA

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menggesa satu lagi modus operandi terbaharu Ops Sky iaitu menggalakkan peminjam mempromosi syarikat berkenaan untuk melabur semula.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki berkata, ia satu lagi perkara yang perlu dilihat sama ada mungkin berlaku satu lagi kesalahan syarikat berkenaan yang melakukan pengambilan deposit secara haram.

"Selain syarikat ini memudahkan pinjaman kepada mereka, berlaku juga satu lagi modus operandi baharu kebanyakannya melibatkan pegawai kerajaan.

"Pegawai kerajaan ini digalakkan untuk mempromosikan syarikat ini

untuk melakukan pelaburan semula dengan mereka," katanya dalam sidang akbar pada Khamis.

Tambah Azam, siasatan boleh dijalankan walaupun ia bukan di bawah kesalahan Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009.

"Kita boleh meluluskan di bawah akta kami dan melakukan siasatan se-lanjutnya," ujar beliau.

SPRM dalam operasi baru-baru ini menumpaskan kegiatan rasuah dan pengubahan wang haram yang mem-

babitkan syarikat perunding kewangan serta pegawai bank di beberapa institusi kewangan melalui Op Sky.

Operasi yang dijalankan berjaya menahan 12 individu dalam serbuan di 24 lokasi termasuk kediaman dan pejabat di sekitar Lembah Klang.

Setakat ini, 27 individu ditahan termasuk 18 pegawai bank, lapan petugas syarikat perunding kewangan terbabit serta seorang orang awam. Kesemua mereka telah dilepaskan dengan jaminan SPRM.

SPRM turut membekukan 98 akaun syarikat dan individu.



Azam (dua dari kiri) pada sidang akbar sempena membentangkan pencapaian tahun 2024 sektor pencegahan dan pengurusan SPRM di Ibu pejabat SPRM, Putrajaya.



KRONOLOGI OPS SKY

14 Januari 2025

- Kegiatan rasuah dan gubah wang haram babit syarikat perunding kewangan tumpas.
- 12 individu ditahan, serbuan di 24 lokasi sekitar Lembah Klang.
- SPRM beku 70 akaun syarikat dan individu bernilai lebih RM16.2 juta.

18 Januari 2025

- SPRM tahan empat lagi pegawai bank.
- Roman lima hari terhadap 12 individu.

21 Januari 2025

- 98 akaun syarikat dan individu bernilai lebih RM22 juta dibekukan SPRM.
- Sindiket guna lima ke enam bank yang beroperasi di Malaysia dengan pinjaman berjumlah RM700 juta.
- SPRM sita sembilan kendaraan mewah, wang tunai, jam tangan mewah, lima beg tangan mewah dan lima set barang kemas.

23 Januari 2025

- Enam lagi individu membabitkan pegawai dan bekas pegawai institusi perbankan direman.
- 19 individu yang sebelum ini dihantam reman sudah dibebaskan dengan jaminan SPRM.

2 Februari 2025

- Selebriti termasuk artis dan ikon tempatan dalam radar siasatan SPRM susulan penahanan lapan pengarah syarikat dan 18 pegawai bank.

3 Februari 2025

- Pelakon senior, Datuk Jalaluddin Hassan sedia berkerjasama jika dipanggil SPRM.
- Jalaluddin ber jaminan dirinya bersama dua selebriti lain tidak terbabit dalam isu berkenaan.

5 Februari 2025

- SPRM panggil tiga selebriti bagi bantu siasatan.
- Jalaluddin, Sheikh Muszaphar dan Ziane Zain hadir ke SPRM.
- SPRM tidak bekui akaun bank tiga selebriti yang dipanggil.

*Rujukan: Media tempatan



SINAR HARIAN

07.02.2025 (KHAMIS)

Ziana Zain, Jalaluddin dan Sheikh Muszaphar hadir bantu siasatan

PUTRAJAYA - Tiga selebriti, termasuk penyanyi terkenal, Ziana Zain selesai memberi keterangan kira-kira lima jam kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) pada Khamis bagi membantu siasatan berkaitan Ops Sky.

Kenderaan yang membawa pelantun *Madah Berhebah* itu meninggalkan pekarangan Ibu Pejabat SPM jam 3 petang.

Dua lagi selebriti, Datuk Jalaluddin Hassan dan Datuk Dr Sheikh Muszaphar Shukor Al Masrie Sheikh Mustapha terlebih dahulu keluar secara berasingan dengan kenderaan masing-masing.

Terdahulu mereka tiba jam 9.30 pagi selepas dipanggil SPM membantu siasatan kes rasuah dan pengubahan wang haram membabitkan syarikat perunding kewangan.

Menurut sumber, proses merakamkan percakapan itu bermula jam 10 pagi sebelum berakhir pada 2.45 petang.

Sementara itu, Ketua Pesuruhjaya SPM, Tan Sri Azam Bakri berkata, kehadiran tiga selebriti ke SPM hanya untuk membantu siasatan sahaja dan tiada sebarang tindakan termasuk pembekuan akaun mereka.

"Kita tidak buku akaun mereka, hanya akaun syarikat berkenaan bernilai 18 juta katanya pada sidang akhbar pada Khamis."



ZIANA ZAIN

JALALUDDIN

DR SHEIKH MUSZAPHAR

dibekukan. Dalam hal ini mereka hanya pempengaruah, jadi buat masa ini saya berpandangan mereka ini adalah sebagai pempengaruah syarikat.

"Namun demikian kenapa perlu panggil mereka, bukan sahaja untuk lengkapkan siasatan tetapi mahu lihat kenapa syarikat berkenaan dapat gunakan selebriti bagi promosi pakej itu.

"Sekiranya begitu banyak perluban dibuat untuk bayar selebriti berkenaan, ini menimbulkan kesyikilan daripada pegawai penyiasat," katanya pada sidang akhbar pada Khamis.



SINAR HARIAN

07.02.2025 (KHAMIS)

Sinar Harian - 7/2/25 - Jumat

SPRM kaji maklumat DBKL

Jamin siasat secepat mungkin isu dakwaan melibatkan Afdlin Shauki

Oleh ROSKHOIRAH YAHYA
PUTRAJAYA

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sedang mengkaji maklumat berkaitan dakwaan salah laku seorang ahli lembaga penasihat Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) yang dikaitkan dengan pemberian projek bernilai RM4 juta.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki berkata, pihaknya memberi jaminan siasatan akan dilakukan secepat mungkin sekiranya terdapat unsur rasuah.

Bagaimanapun setakat ini SPRM masih belum membuka sebarang kertas siasatan.

"Jika nampak isu integriti atau tata kelola siasatan segera akan dilakukan,

Isnin nanti kami kemas kini sama ada buka apa jenis siasatan sama ada jenayah atau tata kelola.

"Kalau berlaku dua-dua, bahagian siasatan akan dilakukan serentak dengan tata kelola," katanya dalam sidang akhbar pada Khamis.

Sebelum ini, DBKL melancarkan siasatan dalam berhubung dakwaan tersebut.

Dakwaan salah laku membabitkan ahli lembaga penasihat itu mula tular di media sosial, sejak Jumaat minggu lalu.

Ia membabitkan pelanggaran proses tadbir urus berkaitan perolehan projek kerja penerbitan bahan kreatif untuk DBKL bernilai RM4 juta, yang didakwa tidak diberikan melalui tender terbuka.

Bagaimanapun, dalam kenyataan susulan di media sosial, Datuk Afdlin Shauki menafikan dakwaan tersebut dan yakin isu berkenaan sengaja di-

mainkan untuk memburukkan nama dan imejnya.

Jelas beliau, tuduhan terhadapnya adalah cubaan pihak tidak bertanggungjawab itu juga bermotifkan cemburu dan dendam.

Mengulas lanjut mengenai perkara tersebut, Azam berkata, siasatan perlu dilakukan kerana dikhawatir mungkin timbul penganiayaan terhadap individu tertentu.

"Ini kerana, bukan semua yang datang daripada maklumat awam sama ada keluar dari media sosial akan terus diambil tindakan. Sebab itu kita biarkan dulu DBKL buat siasatan dalaman.

"Ketua unit integriti memang ditempatkan di sana, pegawai saya juga terlibat dengan siasatan itu."

"Berdasarkan kerjasama yang baik daripada Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Maimunah Mohd Shari, mereka membekalkan dokumen kepada kami antaranya minit mesyuarat dan lain-lain," jelasnya.



AFDLIN SHAUKI





HARIAN METRO

07.02.2025 (KHAMIS)

MINTA RASUAH RM5K

Pegawai penguat kuasa direman

Kuala Terengganu: Seorang pegawai penguat kuasa direman lima hari bermula semalam, bagi membantu siasatan kes meminta rasuah kira-kira RM5,000 daripada seorang wanita, awal bulan ini.

Perintah reman hingga Isnin ini terhadap lelaki berusia 30-an itu dikeluarkan Majistret Iffah Nabihah Mohd Ishak selepas membenarkan permohonan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Terengganu di Mahkamah Majistret, di sini.

Menurut sumber, individu terbabit dipercayai

meminta wang suapan itu sebagai balasan untuk tidak meneruskan pertuduhan di bawah Kanun Keseksaan yang dihadapi wanita terbabit.

"Individu itu ditahan jam 3 petang semalam (kelmarin) di pejabatnya di Dungun," menurut sumber berkenaan.

Sementara itu, Pengarah SPRM Terengganu Hazrul Shazreen Abd Yazid ketika dihubungi mengesahkan penahanan itu dan memaklumkan kes disiasat mengikut Seksyen 17(a) Akta SPRM 2009. - Bernama



BERITA HARIAN
08.02.2025 (SABTU)

TUMPU LENGKAP SIASATAN

SPRM sudah rakam keterangan tiga selebriti kelmarin bagi membantu siasatan Op Sky

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
am@hmetro.com.my

Putrajaya

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) kini memberi tumpuan melengkapkan siasatan Op Sky susulan keterangan tiga selebriti yang dirakam kelmarin bagi membantu siasatan.

Menurut sumber, SPRM sudah mendapatkan maklumat diperlukan daripada selebriti terbabit.

"Ketiga-tiga selebriti ini tiba di Ibu Pejabat SPRM pagi kelmarin melalui pintu utama dan bukan mengikut pintu belakang se-



JALALUDDIN Hassan

perti mana yang dilaporkan oleh pihak media.

"Setakat ini SPRM selesai mendapatkan maklumat daripada mereka dan fokus sekarang adalah untuk melengkapkan siasatan," kata-

ZIANA Zain

nya.

Sumber berkata, ketiga-tiga selebriti itu hadir pada jam 9.30 pagi kelmarin dan selesai memberi maklumat sekitar jam 2.30 petang.

DR Sheikh Muszaphar

Katanya, buat masa ini tiada tangkapan baharu dilakukan berhubung kes terbabit.

Sementara itu, Ketua Perseruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki mengesahkan

ketiga-tiga selebriti berkenaan hadir ke Ibu Pejabat SPRM semalam bagi melengkapkan siasatan.

Terdahulu, media melaporkan seramai tiga selebriti hadir ke Ibu Pejabat SPRM di sini kelmarin untuk dirakam keterangan masing-masing bagi membantu siasatan kes rasuah dan pengubahan wang haram menerusi Op Sky membabitkan syarikat perunding kewangan.

Mereka ialah Datuk Jalaluddin Hassan, Siti Roziana Zain atau lebih dikenali Ziana Zain dan Angkawan Negara, Datuk Dr Sheik Muszaphar Shukor Al Masrie Sheikh Mustapha.

Azam sebelum ini turut dilapor berkata, siasatan mendapati selebriti dan artis terbabit menerima wang bayaran sehingga RM400,000 untuk tempoh satu hingga dua tahun sebagai duta syarikat itu bagi tujuan promosi.

Setakat ini, 27 individu direman termasuk 18 pegawai bank, lapan petugas syarikat perunding kewangan terbabit serta satu orang awam dan semua mereka dilepaskan dengan jaminan SPRM.

Di samping itu, dalam operasi berkenaan juga, SPRM merampas kira-kira 4,000 dokumen manakala 98 akaun bank dibekukan dengan nilai lebih RM17 juta.



SINAR HARIAN
10.02.2025 (ISNIN)

Pekerja swasta mengaku salah tawar rasuah RM5,000

FOTO: BERNAMA

ALOR SETAR - Seorang pekerja swasta mengaku bersalah di Mahkamah Sesyen di sini pada Ahad, atas tuduhan menawarkan rasuah sebanyak RM5,000 kepada seorang penolong penguasa imigresen, tahun lepas.

Tertuduh, Teo Wei Chin, 34, membuat pengakuan tersebut selepas pendakwaan terhadapnya dibacakan oleh jurubahasa mahkamah di hadapan Hakim N Priscilla Hemamalini.

Mengikut pertuduhan, Wei Chin didakwa menawarkan suapan RM5,000 kepada seorang penolong penguasa imigresen sebagai balasan untuk membenarkan seorang wanita Thailand masuk ke Malaysia walaupun tidak memenuhi syarat sebagai pelancong selaras dengan Pekeliling Imigresen



Wei Chin (kiri) mengaku bersalah di Mahkamah Sesyen Alor Setar atas tuduhan menawarkan rasuah sebanyak RM5,000 tahun lepas.

Malaysia Terhad 10/27.

Dia didakwa melakukan kesalahan itu pada 6.30 petang di Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) Bukit Kayu Hitam pada 6 Ogos 2024.

Pendakwaan dikemukakan mengikut Seksyen 214 Kanun

Keseksaan (Akta 574) yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 10 tahun atau denda atau kedua-duanya sekali.

Bagaimanapun hukuman terhadap Wei Chin ditangguhkan ke 25 Mac depan dan dia dibenarkan diikat jamin RM7,000 sementara menunggu hukuman dijatuhkan.



BERITA HARIAN

10.02.2025 (ISNIN)



Wei Chin hadir di Mahkamah Sesyen Alor Setar, semalam.

(Foto Wan Nabil Nasir/BH)

Pekerja swasta mengaku salah rasuah anggota imigresen

Alor Setar: Seorang pekerja swasta mengaku bersalah di Mahkamah Sesyen, di sini semalam atas pertuduhan menawarkan rasuah RM5,000 kepada seorang anggota imigresen bagi memudahkan tunangnya dari Thailand memasuki Malaysia walaupun tidak memenuhi syarat kemasukan pelancong.

Tertuduh, Teo Wei Chin, 34, berasal dari Johor membuat pengakuan itu sebagai pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim N Priscilla Hemamalini.

Mengikut pertuduhan, dia didakwa melakukan perbuatan itu terhadap seorang Penolong Pengguna Imigresen KP29 Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) di Kompleks Imigresen, Kastam, Kuartersan dan Keselamatan (ICQS) Bukit Kayu Hitam, kira-kira jam 6.30 petang pada 6 Ogos 2024.

Perbuatan itu didakwa sebagai balasan membenarkan seorang wanita Thailand, iaitu Phailin Chaitamatr masuk ke Malaysia walaupun tidak memenuhi syarat sebagai pelancong selaras Pekeling Imigresen Malaysia Terhad (PIMT) 10/27.

Pendakwaan dikendalikan Pegawai Fendakwa Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Mohd Zulfadli Azharudin dan Ahmad Fariz Abdul Hamid, manakala tertuduh diwakili peguam, Wong Vi Vian.

Pertuduhan mengikut Seksyen 214 Kanun Keseksaan memperuntukkan hukuman penjara maksimum 10 tahun atau denda atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

Mahkamah menetapkan 25 Mac depan untuk menjatuhkan hukuman dan membenarkan tertuduh dibebaskan dengan jaminan RM7,000 sementara mentinggu prosiding berkenaan.



HARIAN METRO

10.02.2025 (ISNIN)

TERBABIT PERNIAGAAN
TANPA KEBENARAN

Bekas penolong pengarah kena denda RM16,000

Kuala Terengganu: Seorang bekas penolong pengarah SME Corp Malaysia Negeri Terengganu didenda RM16,000 di Mahkamah Sesyen di sini, semalam kerana terbabit dalam perniagaan tanpa kebenaran.

Tertuduh, Halimah Musa Brahim, 47, turut berdepan hukuman penjara tiga bulan jika gagal menjelaskan denda berkenaan.

Keputusan itu dibuat Hakim Mohd Azhar Othman selepas Halimah mengaku salah terhadap dua pertuduhan pilihan.

Mengikut pertuduhan, tertuduh didakwa sebagai penjawat awam terikat di sisi undang-undang supaya tidak mengambil bahagian dalam perniagaan sebagaimana peruntukan mengikut Akta Badan-Badar Berkanun (Tata tertib dan Surcaj) 2000, Seksyen 5, Bahagian 2 Peraturan 4 Pegawai SME Corp Malaysia mengambil bahagian dalam perniagaan.

Tertuduh didakwa membabitkan diri dalam Syarikat ND2 Creative Resources dan menyokong pengesahan kerja pembersihan pejabat antara 2016

hingga berjumlah RM3.300 dan RM4.400.

Bagi kesalahan itu, tertuduh yang didakwa mengikut Seksyen 168 Kanun Kesejahteraan berdepan hukuman penjara sehingga satu tahun atau denda atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

Halimah mengaku salah bagi kedua pertuduhan pilihan, manakala baki dua lagi pertuduhan diambil pertimbangan atau 'take into consideration' (TIC) selaras peruntukan Seksyen 171A Kanun Tatacara Jenayah.

Sebelum ini, tertuduh didakwa atas empat pertuduhan mengikut Seksyen 23(1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 atas kesalahan menggunakan jawatannya untuk mendapat suapan apabila menyokong pengesahan kerja pada perakuan penerimaan perkhidmatan, bekalan bagi kerja pembersihan pejabat SME Corp Negeri Terengganu.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya SPRM Mariah Omar, manakala tertuduh diwakili Mohd Fadly Yaacob.



HARIAN METRO

10.02.2025 (ISNIN)

Mengaku tawar suapan kepada pegawai imigresen

Alor Setar: Seorang pekerja swasta mengaku bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, semalam, atas tuduhan menawarkan rasuah sebanyak RM5,000 kepada seorang penolong penguasa imigresen, tahun lalu.

Tertuduh, Teo Wei Chin, 34, membuat pengakuan tersebut selepas pendakwaan terhadapnya dibacakan oleh jurubahasa mahkamah di hadapan Hakim N. Priscilla Hemamalini.

Mengikut pertuduhan, Teo didakwa menawarkan suapan RM5,000 kepada seorang penolong penguasa imigresen sebagai balasan untuk membentarkan seorang wanita Thailand masuk ke Malaysia walaupun tidak menuhi syarat sebagai pelancong selaras dengan Pekeliling Imigresen Malaysia Terhad 10/27.

Dia didakwa melakukan kesalahan itu pada jam 6.30 petang di Kompleks Imigresen, Kastam, Kuaran dan Keselamatan (ICQS) Bukit Kayu Hitam pada 6 Ogos 2024.

Pendakwaan dikemukakan mengikut Seksyen 214 Kanun Kesejahteraan (Akta 574) yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 10 tahun atau denda atau kedua-duanya sekali.

Bagaimanapun hukuman terhadap Teo ditangguhkan ke 25 Mac depan dan dia dibenarkan diikat jamin RM7,000 sementara menunggu hukuman dijatuhan.

Pendakwaan dikendalikan Pegawai Pendakwa Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Mohd Zulfadli Azharudin dan Ahmad Fariz Abdul Hamid manakala tertuduh diwakili peguam Wong Vi Vian.



BERITA HARIAN

11.02.2025 (SELASA)

Letak pegawai SPRM secara rahasيا hapus rangkaian sulit rasuah

- Sebelum ini, SPRM pernah menempatkan pegawainya di beberapa kementerian dan agensi strategik, tetapi kes rasuah tetap berlaku
- Antara pendekatan berkesan menangani isu rasuah di kementerian ialah menempatkan pegawai SPRM secara rahasia



Oleh Jais Abd Karim
bhrenca@bh.com.my

Kerjaan baru-baru ini mengumumkan langkah menempatkan pegawai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sebagai Ketua Unit Integriti (KUI) di semua kementerian.

Langkah ini bertujuan memperkuuh integriti, meningkatkan pengawasan dalam dan membantuan salah guna kuasa serta ketrisan.

Namun, ada pihak yang mengkritik persoalan sejauh mana inisiatif ini mampu memenuhi objektifnya dan mencapai matlamat kerajaan. Apakah cabaran teknikal dihadapi dan apakah pendekatan lebih efektif boleh dilaksanakan untuk mencapai matlamat bersama rasuah?

Secara teori, kehadiran pegawai SPRM dalam kementerian berjaya untuk mengawasi amalan integriti dalam pemudahUrur kerajaan, membantu mengenal pasti kelemahaman sistem boleh diklopatis oleh perasuh.

Selain itu, mencegah salah guna kuasa dan ketrisan dengan memberikan pemantauan lebih dukt serta meningkatkan keberanian penjawat awam melaporkan rasuah kerana adanya pegawai SPRM dalam sistem mereka.

Namun, kita perlu melihat realiti pelaksanaan ini berdasarkan pengalaman lalu dan keadaan semasa.

Sebelumnya, penempatan pegawai SPRM di kementerian bukan satu idea baharu. Sebelum ini, SPRM pernah menempatkan pegawainya di beberapa kementerian dan agensi strategik, tetapi kes rasuah tetap berlaku.

Maka, persoalannya adalah langkah ini akan terus-henar membawa perubahan atau sekadar menambah birokrasi tanpa kesan signifikan.

Dalam hal ini terdapat beberapa isu perlu diperhatui terutama adalah pegawai SPRM

dalam kementerian akan besar-besar berkuasa untuk mengambil tindakan stat sekadar menjadi pemantau tanpa kuasa mencakupi.

Rasuah seluruhnya berlaku secara licik, kerana pelaku dalam sistem akan mengubah cara operasi mereka untuk mengelak dilacak. Jika pegawai SPRM berada secara berang-terangan, adikab mereka masih dapat menangkap pesalah.

Pegawai perlu berani laju untuk rasuah

Keberkesanannya masih bergantung kepada ahli ahli kuasa. Dalam banyak kes, maklumat berkaitan rasuah datang daripada pegawai dalamans yang berani tamak ke hadapan, bukan dari jagaan pegawai SPRM sahaja.

Sementara itu, kehadiran pegawai SPRM juga lazimnya mewujudkan cebisan baharu antara mereka akan dianggap sebagai 'orang kuat'.

Kehadiran pegawai SPRM di kementerian mungkin akan memotuskan juretan kepercayaan akhbar mereka dan pegawai kerajaan.

Ramai akan menganggap mereka sebagai pengintip atau mata mata sukar untuk difekati. Iini akan menyukarkan pegawai SPRM mendapatkan maklumat sebenar mengenai salah laku dalam kementerian.

Pemantauan pegawai SPRM secara terbuka juga boleh menyebabkan sindikit rasuah menguah modus operandi mereka untuk mangalak dikosong.

Rasuah bukan dilakukan secara teraturan, tetapi melalui rangkaian sulit sukar ditentus. Jika pegawai SPRM dilaksanakan dalam kementerian, sudah pasti operasi rasuah akan disusah dengan lebih berhati-hati dan terselidung.

Ada kemungkinan pegawai SPRM dilengkapi di kementerian akhirnya menjadi sebahagian daripada sistem yang sama mereka cuba perbaiki.

Jika mereka tidak mempunyai autonomi pemilah atau berdepat tekanan politik dan pantodiran sehingga menghalang tindakan mereka.

Rasuah boleh dilakukan secara tambahan, unit integriti di kementerian boleh diadil secara berikutan oleh NGO seperti Pemerhati Rasuah Malaysia (MCW) atau badan akademik hebat. Ini akan memastikan mekanisme pemantauan lebih telus dan tidak dikawal pihak berkepentingan dalam kerajaan.

Penempatan pegawai SPRM sebagai Ketua Unit Integriti di setiap kementerian adalah langkah baik, tetapi bukan penyelesaian mutlak kepada masalah rasuah.

SPRM perlu menjalankan pendekatan yang lebih strategik, termasuk mesampukan kepada aspek penyiasatan dan pengurusan, menjalankan operasi penyamaran dalam jabatan kritis, mengukuhkan perlindungan kepada pemberi maklumat dan membabitkan NGO dan institusi akademik dalam audit integriti.

Jika kerajaan benar-benar mahu membantah rasuah, mereka tidak boleh hanya menambah pegawai SPRM dalam sistem tanpa perubahan struktur dan strategi lebih efektif.

SPRM mestilah menjadi agensi penyiasatan lebih bebas dan agresif dalam menangkap perasuh, bukan sekadar menjadi pemantau dalam birokrasi kerajaan.





BERITA HARIAN
12.02.2025 (RABU)

Ketua balai bomba direman tuntutan palsu RM30,000

Suspek disiasat salah guna kuasa babitkan elaun kehadiran anggota bantuan

Oleh Aizat Sharif dan Meor Riduan Meor Ahmad
bhnews@bh.com.my

Kangar: Seorang pegawai Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBPM) Perlis direman sehingga Ahad ini, bagi membantu siasatan Suryanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berhubung tuntutan palsu membabitkan elaun kehadiran anggota bantuan yang bernaung di bawah JBPM.

"Suspek dipercayai mengesahkan kehadiran anggota bantuan yang tidak hadir. Elaun kehadiran adalah RM96 sehari dan pengesahan kehadiran bagi

bomba bantuan mencecah RM30,000 di negeri ini.

Perintah reman dikeluarkan oleh Majistret Nurshahida Abdul Rahim selepas suspek dibawa ke Kompleks Mahkamah Kangar pada jam 10.15 pagi semalam.

Suspek berusia 49 tahun dan bertugas sebagai ketua balai boma dan penyelamat ditahan kira-kira jam 4.20 petang kelmarin, selepas memberi keterangan di Pejabat SPRM Perlis.

Sumber SPRM berkata, siasatan menjurus kepada tuntutan palsu yang membabitkan elaun kehadiran anggota bantuan yang bernaung di bawah JBPM.

"Suspek dipercayai mengesahkan kehadiran anggota bantuan yang tidak hadir. Elaun kehadiran adalah RM96 sehari dan pengesahan kehadiran bagi

tuntutan itu dipercayai membabitkan 15 anggota boma bantuan dengan elaun mencecah RM30,000," katanya ketika ditemui di luar mahkamah itu, semalam.

Katanya, semua tuntutan dilakukan bermula pada September 2023 hingga Februari tahun lalu.

"Suspek dipercayai menyalahgunakan kuasanya dengan meminta semula semua elaun yang dituntut itu daripada anggota bantuan terbabit sebagai bayaran semula terhadap pengesahan yang dilakukan.

"Transaksi dipercayai dilaku-

kan secara tunai dan dalam talian. Ia untuk kegunaan peribadi, namun kita masih menyiasat jumlah transaksi dilakukan suspek," katanya.

Kes disiasat mengikut Seksyen 18 Akta SPRM kerana mengemu-

kakan tuntutan palsu.

Pengarah SPRM Perlis, Mohd Nor Adha Ab Ghani mengesahkan penahanan suspek.

Pengarah svarikat direman

Sementara itu, di Melaka, seorang pengarah yang juga pengurus jualan di sebuah syarikat swasta di negeri ini direman lima hari kerana disyaki membuat tuntutan palsu berkaitan kerja pembekalan bagi kerja pembekalan alatan sukan badminton berjumlah keseluruhan RM78,812.60 sedangkan pembekalan tidak sempurna dilaksanakan," katanya.

Perintah reman sehingga 15 Februari ini dikeluarkan Majistret Sharda Shienha Mohd Sulaiman di Mahkamah Majistret 2 di Ayer Keroh, semalam, selepas permohonan dibuat SPRM Melaka bagi melengkapkan sias-



Suspek dibawa ke Mahkamah Majistret Kangar, semalam.

(Foto Lugnan Hakim Zubir/BH)

tan kes berkenaan.

Sumber memaklumkap suspek lelaki berusia 44 tahun itu ditahan kira-kira jam 3.30 petang semalam ketika memberi keterangan di Pejabat SPRM Melaka.

"Suspek ditahan atas dakwaan mengemukakan dokumen yang mempunyai butiran palsu kepada seorang akauntan di sebuah syarikat pembekalan bagi kerja pembekalan alatan sukan badminton berjumlah keseluruhan RM78,812.60 sedangkan pembekalan tidak sempurna dilaksanakan," katanya.

Pengarah SPRM Melaka, Adi Supian Shafie ketika dihubungi mengesahkan tangkapan dan reman itu serta memaklumkan kes disiasat mengikut Seksyen 18 Akta SPRM 2009.



BERITA HARIAN

13.02.2025 (KHAMIS)

Ops Sky

7 pegawai bank dipecat bulan lalu

Institusi perbankan kesan kes berlaku pada Julai 2024

Oleh Sariha Mohd Ali
sariha@bh.com.my

Kuala Lumpur: Tujuh pegawai sebuah bank terkemuka dipecat pada bulan lalu selepas siasatan dalaman mendapati mereka terbabit dalam sindiket pinjaman didalangi syarikat perunding kewangan yang ditumpaskan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) melalui Ops Sky baru-baru ini.

Pemecatan tujuh pegawai itu dibuat susulan siasatan yang dilakukan bank berkenaan selama hampir enam bulan akhirnya mendedahkan mereka menerima sogokan daripada ejen syarikat perunding kewangan itu bagi meluluskan permohonan pinjaman melebihi kelayakan dikemukakan penjawat awam yang kebakarnya guru.

Tujuh pegawai yang dipecat itu antara 18 pegawai bank yang ditahan Bahagian Pencegahan Pengubahan Wang Haram (AML) dalam Ops Sky hasil kerjasama Bank Negara Malaysia (BNM).

Sumber berkata, beberapa lagi kakitangan bank itu juga masih dalam siasatan dalaman bagi me-

Eksklusif

ngenal pasti sejauh mana pembabitan mereka dalam isu pinjaman kewangan ini yang menyebabkan kelulusan dikeluaran melebihi tahap kemampuan peminjam.

Beliau berkata, bank mengesahkan berlaku pada Julai 2024, selepas melihat data mencurigakan mengenai penyerahan pembelian peribadi (PF) oleh beberapa kakitangan bahagian jualan dan mendapati kemungkinan wujud pembabitan ejen pihak ketiga apabila pelanggan terbabit menghantar beberapa PF dengan institusi kewangan lain pada masa sama.

Susulan itu, katanya, pengrusaan bank mengarahkan siasatan terperinci dengan semakan data lebih luas bagi mengenal pasti kakitangan yang terbabit.

"Sebulan selepas kes ini dikehendaki, bank memaklumkan perkara itu kepada BNM dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) untuk tindakan lanjut mereka, malah kita buat lima laporan polis berhubung kes itu.

"Ketika siasatan dalaman dijalankan, terdapat keimbangan mengenai kemungkinan unsur sogokan diberi kepada kakitangan, jadi bank ketika itu segera

membuat laporan kepada SPRM yang menjalankan Ops Sky.

"Dari semasa ke semasa, kemas kini maklumat dan pelaporan berterusan juga diberikan kepada Lembaga Pengarah mengenai perkara itu," katanya kepada BH.

SPRM dalam operasi baru-baru ini menumpaskan kegiatan rasuah dan pengubahan wang haram membabitkan syarikat perunding kewangan serta pegawai bank di beberapa institusi kewangan, melalui Ops Sky.

Ops Sky yang dijalankan Bahagian Pencegahan Pengubahan Wang Haram SPRM itu dilaksanakan dengan kerjasama BNM

dan sekurang-kurangnya 27 individu termasuk 18 pegawai bank, lapan petugas syarikat perunding kewangan serta seorang orang awam ditahan bagi membantu siasatan.

Siasatan SPRM turut membabitkan tiga selebriti menjadi duta syarikat perunding kewangan itu iaitu penyanyi Ziana Zain, pelakon Datuk Jalaluddin Hassan

dan Angkasawan Negara, Datuk Dr Sheikh Muszaphar Shukor Al Masrie Sheikh Mustapha, tetapi disahkan mereka hanya menerima bayaran atas perkhidmatan dijalankan, bukannya terbabit dalam menguruskan kegiatan dilakukan syarikat itu.

Dalam operasi itu, SPRM merampas kira-kira 4,000 dokumen dan membekukan 98 akaun bank bernilai lebih RM17 juta.

Sumber berkata, siasatan me-

SPRM kesan RM700 juta pinjaman bank diluluskan

Keratan akbar BH 18 Januari lalu.

luas dijalankan bank berkenaan terhadap kakitangan yang disyaki terbabit secara langsung atau tidak langsung dengan skim itu termasuk memanggil dan merekodkan kenyataan mereka.

Bank berusaha dapatkan bukti

Beliau berkata, pemecatan tujuh kakitangan yang disahkan terbabit dalam sindiket meluluskan pinjaman kewangan itu dibuat bahagian Sumber Manusia Kumpulan (GHR) selepas mengeluarkan surat tunjuk sebab dan mengantung tugas mereka terbabit ketika siasatan dilakukan.

"Sepanjang siasatan dijalankan, bank berusaha mendapatkan bukti penting dan menjalankan siasatan terhadap kakitangan jualan dan cawangan, termasuk pelanggan yang akhirnya membongkar modus operandi serta skala skim berkenaan.

"Kita memahami peminjam dimanipulasi untuk buat pinjaman melebihi kemampuan dan kini menanggung jumlah hutang sangat besar untuk membayarnya.

"Mungkin ada cara untuk membantu mereka dalam usaha mengelak peminjam yang majoriti kakitangan awam dari pada dikenakan tindakan mufis," katanya.

Mengulas inisiatif dilakukan susulan pembongkaran kes berkenaan, sumber berkata, pihaknya melakukan penambahbaikan proses pada semua peringkat berkuat kuasa November 2024.

Beliau berkata, selain menge luarkan pelbagai memorandum peringatan, termasuk mempertingkat proses pinjaman susulan siasatan terperinci itu, pihaknya juga melakukan pelaksanaan ikrar kumpulan bank, menge luarkan komunikasi dalaman mengenai mesej integriti kepada semua kakitangan dan menerbitkan video mesej tegas Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan mengenai kepentingan integriti.

Katanya, bank juga mengadakan jelajah ke wilayah yang menekankan aspek kerohanian dan pemeliharaan integriti dalam kangan warga kerjanya.

Sementara itu, sumber berkata, pihaknya turut prihatin dengan peminjam yang terbabit dalam sindiket itu yang menyebabkan mereka kini terbebas dengan jumlah pinjaman besar yang perlu dilunaskan bayaran semula pada setiap bulan.

"Kita memahami peminjam di manipulasi untuk buat pinjaman melebihi kemampuan dan kini menanggung jumlah hutang sangat besar untuk membayarnya.

"Mungkin ada cara untuk membantu mereka dalam usaha mengelak peminjam yang majoriti kakitangan awam dari pada dikenakan tindakan mufis," katanya.



SINAR HARIAN

14.02.2025 (JUMAAT)

SPRM tahan dua pegawai kanan persatuan sukan di Johor

JOHOR BAHRU - Dua pegawai kanan sebuah persatuan sukan di negeri ini ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) kerana disyaki terbabit salah guna kuasa.

Menurut sumber, kedua-dua suspek lelaki berusia 60-an terdiri daripada seorang presiden persatuan sukan dan bekas setiausaha kehormat itu ditahan ketika hadir ke pejabat SPMR Johor pada jam 4 petang Rabu.

Katanya, suspek pertama yang juga presiden persatuan sukan berkenaan dipercayai melakukan perbuatan itu antara 2023 hingga 2025.

"Suspek disyaki meralahgunakan kuasanya dengan mengarahkan setiausaha kehormat persatuan memindahkan sebahagian sumbangan kira-kira RM1.3 juta yang diterima daripada Kementerian Belia dan Sukan serta pihak swasta ke akaun miliknya serta anaknya.

"Suspek kedua membabit-

kan bekas setiausaha kehormat pula dipercayai melakukan perbuatan berkenaan antara 2023 hingga 2024 dengan mengemukakan dokumen permohonan yang mengandungi butir matan palsu berkaitan bayaran latihan kira-kira RM15,000 dan bayaran subsidi peralatan sukan RM12,000 kepada Majlis Sukan Negeri sedangkan program dan pembekalan tidak dilakukan," kata sumber berkenaan.

Sementara itu, Pengarah SPMR Johor, Datuk Azmi Alias ketika dihubungi mengesahkan penahanan berkenaan.

Tambahnya, kes disiasat di bawah Seksyen 23 dan 18 Akta SPMR 2009.

"Perintah reman selama lima hari bermula hari ini (Khamis) hingga 17 Februari terhadap semua suspek telah dikeluarkan Majistret Muhammad Fitri Mokhtar selepas permohonan dibuat SPMR di Mahkamah Majistret Johor Bahru pada Khamis," ujarnya.

FOTO: SPMR JOHOR



Kedua-dua suspek di bawa ke Mahkamah Majistret Johor Bahru bagi mendapatkan perintah reman.



HARIAN METRO

14.02.2025 (JUMAAT)

KEMUKA TUNTUTAN PALSU

Dua pegawai persatuan sukan ditangkap SPRM

Kuala Lumpur: Dua pegawai kanan persatuan sukan ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) kelmarin kerana disyaki membuat tuntutan palsu membabitkan dana Kementerian Belia dan Sukan (KBS).

Menurut sumber, kedua-dua lelaki tempatan berusia 60-an itu ditahan selepas hadir memberi keterangan di pejabat SPRM Johor, 4 petang kelmarin.

"Suspek pertama yang juga presiden persatuan berkenaan dipercayai melakukan perbuatan itu pada 2023 hingga 2025.

"Suspek disyaki menyalahgunakan kuasanya dengan mengarahkan setiausaha kehormat memindahkan sebahagian daripada sumbangan kira-kira RM1.3 juta yang diterima daripada KBS dari akaun persatuan ke akaun miliknya dan anaknya.

"Suspek kedua, bekas setiausaha kehormat pula dipercayai melakukan perbuatan itu pada tahun 2023 hingga 2024," katanya semalam.

Sumber berkata, suspek kedua disyaki membuat tuntutan mengandungi butir matan palsu berkaitan bayaran latihan berjumlah RM15,000 dan subsidi peralatan sukan bernilai RM12,000.

Katanya, tuntutan palsu itu dibuat kepada Majlis Sukan Negeri sedangkan program latihan dan pembekalan peralatan sukan terbabit tidak wujud.

Menurutnya, kedua-dua suspek direman lima hari bermula semalam sehingga 17 Februari.

Sementara itu, Pengarah SPRM Johor, Datuk Azmi Alias ketika dihubungi mengesahkan pernaungan itu dan berkata kes disiasat mengikut Seksyen 23 dan 18 Akta SPRM.



HARIAN METRO

14.02.2025 (JUMAAT)



KONSTABEL polis didenda RM5,000 di Mahkamah Sesyen di sini hari ini atas pertuduhan menerima rasuah RM1,000. - Gambar NSTP/GHAZALI KORI

Kuala Terengganu: Seorang konstabel polis didenda RM5,000 di Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas pertuduhan menerima rasuah RM1,000.

Tertuduh, Abdul Aziz Mustapha, 33, bertugas di Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik (BSJN) Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Besut turut berdepan hukuman penjara tiga bulan jika gagal menjelaskan denda itu.

"Mahkamah juga berdoa semoga silap langkah ini dapat diperbetulkan," kata-nya.

Keputusan itu dibuat Hakim Mohd Azhar Othman selepas tertuduh mengaku salah terhadap pertuduhan berkenaan.

Terdahulu, Mohd Azhar dalam penghakiman berharap hukuman berkenaan bukan hanya memberikan pengajaran dan keinsafan kepada tertuduh, tetapi kepada masyarakat lain untuk tidak melakukan kesalahan sama.

Mengikut pertuduhan, tertuduh didakwa menerima wang tunai RM1,000 tanpa balasan yang diketahui ada perhubungan dengan kerja-kerja rasmi sendiri.

Dia didakwa melakukan kesalahan itu di kawasan tempat letak kereta di hadapan kedai makan di Besut, jam 12.40 tengah hari, 8 Oktober 2023.

Bagi kesalahan itu, dia didakwa mengikut Seksyen 165 Kanun Keseksian.

Tertuduh mengaku bersalah atas satu pertuduhan pilihan manakala baki satu lagi pertuduhan diambil pertimbangan atau *take into consideration* (TIC) se-

laras peruntukan Seksyen 171A Kanun Tatacara Jenayah.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Mohamad Fadly Mohd Zamry manakala tertuduh diwakili peguam, Ariff Azami Hussein.

Sebelum ini, tertuduh didakwa atas dua pertuduhan mengikut Seksyen 16 (a) (B) dan Seksyen 17 (a) Akta SPRM 2000.

Konstabel didenda RM5,000 makan rasuah RM1,000



BERITA HARIAN

14.02.2025 (JUMAAT)

2 pegawai sukan ditahan kes seleweng dana

Johor Bahru: Seorang presiden persatuan sukan di negeri ini ditahan kelmarin kerana disyaki terbabit dalam salah guna kuasa membabitkan sumbangan dana kira-kira RM1.3 juta.

Sumber Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berkata, seorang lagi suspek yang juga bekas setiausaha kehormat persatuan sukan negeri ini turut ditahan kerana mengemuka tunutan mengandungi butiran palsu kira-kira RM27,000.

Menurut sumber, kedua-dua lelaki berusia 60-an itu ditahan kira-kira jam 4 petang kelmarin ketika memberi keterangan di Pejabat SPRM Johor.

"Suspek pertama yang juga presiden persatuan sukan itu dipercayai melakukan perbuatan itu antara 2023 hingga 2025.

"Suspek disyaki menyalahgunakan kuasa dengan mengarahkan setiausaha kehormat memindahkan sebahagian daripada sumbangan kira-kira RM1.3 juta yang diterima daripada Kementerian Belia dan Sukan (KBS) dan swasta untuk aktiviti persatuan ke akaun miliknya serta anak.

"Suspek kedua membabitkan bekas setiausaha kehormat pula



SPRM tahan presiden persatuan sukan dan bekas setiausaha kehormat di Johor Bahru, kelmarin kerana disyaki terbabit salah guna kuasa sumbangan kira-kira RM1.3 juta.
(Foto ihsan SPRM)

dipercayai melakukan perbuatan berkenaan antara 2023 hingga 2024 dengan mengemuka butiran permohonan palsu berkaitan bayaran latihan kira-kira RM15,000 dan bayaran subsidi peralatan sukan kira-kira RM12,000 kepada Majlis Sukan Negeri (MSN), se-

dangkan program dan pembekalan tidak dilakukan," kata sumber berkenaan.

Sementara itu, Pengarah SPRM Johor, Datuk Azmi Alias ketika dibubungi mengesahkan penahanan berkenaan.

"Perintah reman lima hari ber-

mula hari ini (semalam) sehingga 17 Februari 2025 terhadap kedua-dua suspek dikeluarkan Majistret Muhammad Fitri Mokhtar selepas permohonan dibuat SPRM di Mahkamah Majistret Johor Bahru, pagi tadi (semalam)," katanya.



HARIAN METRO

15.02.2025 (SABTU)

H/Metro
15/2/25

RM3,000 untuk selesai kes positif dadah

Georgetown: Seorang anggota polis berpangkat sarjan direman enam hari bagi membantu siasatan meminta suapan RM3,000 sebagai balasan menyelesaikan kes seorang pekerja kilang yang positif dadah.

Majistret Siti Nur Suhaila Baharin membenarkan permohonan reman Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di Mahkamah Majistret Jenayah 1 di sini, bermula semalam hingga Rabu bagi membolehkan siasatan lanjut

ke atas suspek berusia 38 tahun mengikut Seksyen 17(a) Akta SPMR 2009 dilakukan.

Terdahulu, suspek yang bertugas di bahagian narkotik Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Timur Laut tiba di pekarangan mahkamah jam 9.05 pagi.

Menurut sumber, suspek meminta wang daripada seorang lelaki berusia 35 tahun sebagai balasan untuk menyelesaikan kes

ujian saringan air kencingnya yang didapati positif dadah jenis Benzo pada 19 Ogos tahun lalu.

"Pengadu telah menjalankan ujian air kencing dan positif dadah jenis Benzo dan kemudiannya ditahan satu malam di lokap Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Timur Laut, sebelum dilepaskan dengan jaminan

polis pada keesokan harinya.

"Pada 11 Januari lalu, pengadu berjumpa suspek yang juga pegawai penyiasat kes di IPD Timur Laut dan ketika itu, suspek meminta wang RM3,000 sebagai balasan menyelesaikan kes ujian air kencing pengadu.

"Terbaharu pada Rabu lalu, pengadu sekali lagi dihubungi suspek yang memintanya datang ke IPD Timur Laut untuk membincangkan kes serta wang RM3,000 tersebut," katanya di sini, semalam.

Suspek meminta wang daripada seorang lelaki berusia 35 tahun



HARIAN METRO

15.02.2025 (SABTU)

H/Metro
15/2/25
Subjtu

Penguat kuasa ditahan disyaki terima rasuah lupus diesel bawah harga pasaran

Alor Setar: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Kedah menahan seorang pegawai penguat kuasa kerana disyaki menerima rasuah bagi melupuskan minyak diesel bernilai RM87,400 di bawah harga pasaran, baru-baru ini.

Mengikut sumber SPRM, lelaki berusia 50-an itu ditahan kira-kira jam 4 petang kelmarin ketika hadir memberi keterangan di pejabat SPRM negeri di sini.

Sumber itu berkata suspek dipercayai melakukan perbuatan berkenaan pada tahun ini dengan menerima rasuah sebagai dorongan untuk melupuskan 46,000 liter minyak diesel.

"Diesel itu dilupuskan di bawah harga pasaran iaitu RM1.90 seliter berbanding harga pasaran yang ditetapkan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) iaitu RM2.95 seliter," katanya.

Sumber itu seterusnya menyatakan pelupusan berkenaan dilakukan ke atas minyak yang merupakan hasil rampasan daripada tindakan penguatkuasaan melibatkan kesalahan di bawah Seksyen 115(1)(c) Akta Kas-tam 1967.

"Namun hanya 30,000 liter diikrarkan sebagai pelupusan manakala bakinya disyaki dilupuskan tanpa diikrarkan dengan menerima rasuah berjumlah RM30,400 yang di-

bayar menggunakan wang tunai," katanya.

Difahamkan suspek direman selama tujuh hari sehingga 19 Feb ini selepas permohonan dibuat SPRM di Mahkamah Majistret Alor di sini pagi kelmarin.

Sementara itu, Pengarah SPRM Kedah Datuk Ahmad Nizam Ismail ketika dihubungi mengesahkan penahanan berkenaan dan berkata kes disiasat di bawah Seksyen 16(a)(B) Akta SPRM 2009.



HARIAN METRO
15.02.2025 (SABTU)

Kuala Lumpur

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan empat individu termasuk seorang bergelar Datuk kerana disyaki terlibat rasuah serta mengemukakan tuntutan palsu membabitkan pengeluaran wang syarikat kira-kira RM2.6 juta.

Sumber SPRM memaklumkan empat individu terlibat adalah dua pengarah syarikat dan dua naib presiden kanan syarikat berusia antara 50 hingga 60-an.

Menurut sumber, suspek bergelar Datuk berkenaan dipercayai telah berpakat dengan seorang suspek yang juga pengarah syarikat untuk memberi rasuah bagi mendapatkan tender penjualan tanah.

"Wang rasuah itu untuk dibayar kepada seorang pegawai

konglomerat multinasional di negara ini bagi mendapatkan tender penjualan tanah di Klang.

"Siasatan awal mendapati, pengarah syarikat yang berpakat dengan Datuk berkenaan bersama dua naib presiden kanan syarikatnya itu, berpakat mengemukakan dokumen mengandungi butir matan palsu untuk mengeluarkan wang syarikat berjumlah kira-kira RM2.6 juta yang kemudian dibabitkan ke akaun syarikat

lain," katanya.

Susulan itu, semua individu terbabit termasuk seorang pengurus akaun telah ditahan sekitar 5 petang hingga 8 malam kelmarin ketika hadir memberi keterangan di Ibu Pejabat SPRM.

Menurut sumber itu, lelaki bergelar Datuk tersebut direman selama lima hari hingga 17 Februari manakala tiga lagi suspek masing-masing membabitkan dua lelaki dan seorang wanita berjawatan pen-

SELEWENG WANG SYARIKAT RM2.6 JUTA **4 BOS BESAR BUAT JAHAT**

garah serta dua naib presiden kanan syarikat direman empat hari hingga Ahad.

Sementara itu, Pengarah Kanan Bahagian Siasatan SPRM Datuk Zainul Darus ketika dihubungi mengesahkan penahanan berkenaan dan kes disiasat di bawah Seksyen 16(b)(A) serta Seksyen 18 Akta SPRM 2009.

Bagaimanapun, katanya, pengurus akaun syarikat berkenaan telah dibebaskan dengan jaminan SPRM.



HARIAN METRO

15.02.2025 (SABTU)

Timbalan pengurus kanan syarikat direman 5 hari

Johor Bahru: Timbalan pengurus kanan sebuah syarikat swasta direman selama lima hari, bagi membantu siasatan kes meminta rasuah daripada pemilik perniagaan yang berurusan di terminal feri sekitar Johor.

Perintah reman terhadap lelaki berusia 48 tahun itu dikeluarkan oleh Majistret Nurmadiana Mamat di Mahkamah Majistret Johor Bahru, sema-

lam selepas menerima permohonan daripada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Johor.

Terdahulu, suspek ditahan di pejabat SPRM Johor kira-kira jam 8 malam kelmarin bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 16(a)(A) Akta SPRM 2009.

Menurut sumber SPRM, suspek disyaki meminta wang rasuah daripada pemilik perniaga-

aan sebagai jaminan supaya operasi syarikat mereka di terminal feri berjalan lancar tanpa sebarang gangguan.

Sementara itu, dalam kes berasangan, seorang saksi pendakwaan direman selama empat hari bermula semalam kerana memberi keterangan palsu di mahkamah.

Lelaki berusia 35 tahun yang merupakan seorang kontraktor itu ditahan bagi membo-

lehkan siasatan lanjut dijalankan mengikut Seksyen 27(2) Akta SPRM 2009.

Terdahulu, menurut sumber SPRM, suspek ditahan di pejabat SPRM cawangan Mersing kira-kira jam 9 malam kelmarin.

Suspek adalah saksi pendakwaan ke-12 dalam kes sebelum ini dan memberikan keterangan di hadapan Hakim Datuk Ahmad Kamal Arifin Ismail.



HARIAN METRO
15.02.2025 (SABTU)

Sarjan polis direman minta suapan RM3,000

Georgetown: Seorang anggota polis berpangkat sarjan direman enam hari bagi membantu siasatan selepas dilaporkan meminta suapan RM3,000 sebagai balasan menyelesaikan kes seorang pekerja kilang yang didapati positif dadah jenis Benzo.

Majistret Siti Nur Suhaila Baharin membenarkan permohonan reman Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), di Mahkamah Majistret Jenayah 1 di sini, bermula semalam.

Tempoh reman sehingga Rabu depan itu dibenarkan bagi membolehkan siasatan lanjut dijalankan terhadap suspek berusia 38 tahun terbabit mengikut Seksyen 17(a) Akta SPRM 2009.

Terdahulu, suspek yang bertugas di bahagian narkotik Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Timur Laut tiba di mahkamah pada jam 9.05 pagi dalam keadaan tangan bergari dan memakai baju lokap SPRM.

Menurut sumber, suspek me-



Anggota polis berpangkat Sarjan dibawa ke Mahkamah Majistret Georgetown, semalam.
(Foto Mikail Ong/BH)

minta wang daripada seorang lelaki berusia 35 tahun yang juga pekerja kilang sebagai balasan untuk menyelesaikan kes ujian saringan air kencingnya yang di-

dapati positif dadah pada 19 Ogos tahun lalu.

"Pengadu menjalankan ujian air kencing dan positif dadah jenis Benzo dan kemudian ditahan

satu malam di lokap Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Timur Laut, sebelum dilepaskan dengan jaminan polis pada keesokan harinya.

"Pada 11 Januari lalu, pengadu berjumpa suspek yang juga pegawai penyiasat kes di IPD Timur Laut dan ketika itu, suspek meminta wang RM3,000 sebagai balasan menyelesaikan kes ujian air kencing pengadu.

"Terbaharu pada Rabu lalu, pengadu sekali lagi dihubungi suspek yang memintanya datang ke IPD Timur Laut untuk membincangkan kes serta wang RM3,000 itu," katanya di sini, semalam.

Sumber berkata, suspek ditanah ketika hadir memberi keterangan di Ibu Pejabat SPRM Pulau Pinang kelmarin.

Sementara itu, Pengarah SPRM Pulau Pinang, Mohd Fuad Bee Basrah ketika dihubungi mengesahkan penahanan anggota polis terbabit.



BERITA HARIAN

15.02.2025 (SABTU)

Saksi beri keterangan palsu kena tahan SPRM

Johor Bahru: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Johor menahan seorang saksi pendakwaan kerana memberi keterangan palsu di mahkamah.

Menurut sumber, kontraktor lelaki berusia 35 tahun itu ditahan di Pejabat SPRM Cawangan Mersing kira-kira jam 9 malam kelmarin.

Difahamkan, suspek saksi pendakwaan ke-12 memberi keterangan di hadapan Hakim Datuk Ahmad Kamal Arifin Ismail, yang mana ia tidak selaras dengan pernyataan diberikan sebelum ini kepada pegawai penyiasat SPRM pada 2022 dan 2024.

Sementara itu, Pengarah SPRM Johor, Datuk Azmi Alias, ketika dihubungi mengesahkan penahanan terbabit.



BERITA HARIAN

15.02.2025 (SABTU)

Pegawai penguat kuasa didakwa rasuah RM100,000

Kota Kinabalu: Seorang pegawai penguat kuasa ditahan selepas disyaki menerima rasuah sebanyak RM100,000 daripada syarikat pengangkutan sebagai dorongan tidak mengambil tindakan terhadap lori milik syarikat berkenaan yang melakukan kesalan jalan raya.

Suspek lelaki berusia lingkungan 40-an terbabit ditahan ketika hadir memberi keterangan di pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Sabah, kira-kira jam 8 malam kelmarin.

Penahanan pegawai penguat kuasa itu susulan tangkapan pembantu penguat kuasa oleh SPM Sabah pada Selasa lalu.

Sumber berkata, siasatan awal mendapati suspek dipercayai meminta wang rasuah daripada kira-kira 30 syarikat pengangkutan sejak Oktober 2023 hingga November 2024.

"Wang itu sebagai dorongan untuk tidak mengambil tindakan terhadap lori milik syarikat berkenaan yang melakukan kesalan jalan raya di sebuah daerah di negeri ini," kata sumber itu, semalam.

Sementara itu, Pengarah SPM Sabah, Datuk S Karunainthy, ketika dihubungi mengesahkan penahanan berkenaan.

"Suspek dibebaskan selepas keterangan diambil dengan jaminan RM20,000 dengan seorang penjamin," katanya.



BERITA HARIAN

16.02.2025 (AHAD)

Dua lagi ditahan kes rasuah RM2.6 juta

Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan dua lagi individu termasuk seorang ketua pegawai eksekutif (CEO) sebuah syarikat tersenarai awam kerana disyaki terbabit rasuah dan mengemukakan tuntutan palsu membabitkan pengeluaran wang syarikat kira-kira RM2.6 juta.

Menurut sumber, kedua-dua suspek wanita berusia 40-an dan lelaki berusia 60-an itu ditahan antara jam 7 hingga 11 malam Rabu lalu, ketika hadir memberi keterangan di Ibu Pejabat SPM.

"Hasil siasatan awal mendapati kedua-dua suspek itu yang masing-masing CEO sebuah syarikat tersenarai awam dan pengarah syarikat, disyaki bersubahat mengemukakan dokumen mengandungi butir matan palsu untuk mengeluarkan wang syarikat berjumlah kira-kira RM2.6 juta yang kemudian dipindahkan ke akaun syarikat suspek wanita itu bekerja," katanya.

Perintah reman empat hari hingga 17 Februari ini terhadap suspek terbabit dikeluarkan Majistret Irza Zulaikha Rohanuddin selepas permohonan dibuat SPRM di Mahkamah Majistret Putrajaya, pagi kelmarin.

Sementara itu, Pengarah Kanan Bahagian Siasatan SPRM, Datuk Zainul Darus, ketika dihubungi mengesahkan penahanan dan kes disiasat mengikut Seksyen 18 Akta SPRM 2009.

Kelmarin, media melaporkan SPRM menahan empat individu membabitkan dua pengarah syarikat dan dua naib presiden kanan syarikat, termasuk seorang bergelar Datuk yang berumur 50 hingga 60-an berkait kes sama.

Lelaki bergelar Datuk itu direman selama lima hari hingga 17 Februari ini, manakala tiga lagi suspek membabitkan dua lelaki dan seorang wanita direman empat hari hingga hari ini.



SINAR HARIAN

19.02.2025 (RABU)

Eksekutif bank nafi minta, terima rasuah

MELAKA - Seorang eksekutif bank didakwa atas 15 tuduhan meminta dan menerima rasuah hampir RM9,000 daripada tiga firma guaman di Mahkamah Sesyen di sini pada Selasa.

Bagaimanapun, tertuduh, Nurulhayat Mohamad Nor, 38, mengaku tidak bersalah terhadap semua pertuduhan dikenakan terhadapnya.

Tertuduh didakwa secara rasuah meminta dan menerima suapan wang tunai bernilai RM8,920.79 daripada firma guaman terbabit sebagai upah membantu mendapatkan rujukan kes melibatkan urusan pinjaman perumahan dan menguruskan pinjaman berkenaan institusi kewangan.

Wanita berkenaan didakwa melakukan kesalahan itu di Maybank Bhd Cawangan Melaka Main di Jalan Hang Tuah, Malaysia Building Society Bhd (MBSB) Cawangan Melaka di Taman Melaka Raya dan di sebuah firma guaman di Taman Merdeka antara Julai 2017 hingga Februari 2021.

Dia didakwa mengikut Seksyen 16(a) (A) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 yang memperuntukkan hukuman penjaran maksimum 20 tahun dan denda lima kali jumlah atau nilai suapan atau RM10,000, mana-mana lebih tinggi.

Timbalan Pendakwa Raya SPM, Fatin Nur Athirah Zainudin memohon jaminan RM46,000 berserta syarat tambahan kepada tertuduh.

Peguam, Muhammad Aizat Fakri memohon jaminan RM3,000 bagi setiap kes memandangkan suami kepada anak guamnya tiada pendapatan tetap selain menanggung tiga anak.

Hakim Elesabet Paya Wan memberarkan tertuduh diikat jaminan RM21,000 dengan seorang penjamin dan menetapkan 11 April depan sebagai tarikh sebutan semula kes.



BERITA HARIAN

20.02.2025 (KHAMIS)

SPRM tahan 2,208 kakitangan awam

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan 2,208 penjawat awam didakwa terbabit rasuah, dengan 1,070 daripada sudah didakwa di mahkamah, manakala 493 disabitkan kesalahan sejak 2020 hingga tahun lalu.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi), Datuk Seri Azalina Othman Said, berkata ia dilakukan hasil 725 kertas risikan dibuka, 3,765 kertas penyiasatan awam dan 2,265 kertas siasatan terhadap dakwaan rasuah membabitkan penjawat awam dalam tempoh sama.

"Ia hasil daripada 11,139 maklumat berunsur rasuah membabitkan penjawat awam yang diterima SPRM," katanya dalam jawapan bertulis yang disiarkan di laman sesawang Parlimen.

Beliau berkata demikian bagi menjawab soalan V Siyakumar (PH-Batu Gajah) yang meminta Perdana Menteri menyatakan keberkesanan dasar antirasuah dalam perkhidmatan awam, termasuk statistik terkini mengenai siasatan SPRM.



BERITA HARIAN

20.02.2025 (KHAMIS)

Bekas pengurus hadapi 58 tuduhan rasuah

Melaka: Seorang bekas pengurus jualan bank mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen Ayer Keroh, di sini semalam atas 58 pertuduhan meminta dan menerima rasuah berjumlah RM600,903 bagi membantu dua firma guaman mendapatkan kes rujukan berkaitan pinjaman perumahan daripada sebuah bank pada 2017 hingga 2022.

Mohamad Faqih Mustapha, 36, mengaku tidak bersalah sejurus dibacakan dan diterangkan pertuduhan oleh jurubahasa mahkamah di hadapan Hakim Elezabet Paya Wan.

Dia didakwa dengan 29 pertuduhan meminta suapan berjumlah RM305,465, manakala 29 pertuduhan lagi atas kesalahan menerima rasuah RM295,438.

Ia sebagai dorongan untuk diberikan rujukan kes berkaitan urusan pinjaman perumahan dengan Malaysia Building Society Berhad (MBSB) oleh pegawai eksekutif yang berkhidmat di bawah seliaan tertuduh.

Semua kesalahan itu didakwa dilakukan di Maybank cawangan Melaka Main di Jalan Hang Tuah, di sebuah restoran di Plaza Mahkota dan di MBSB cawangan Melaka di Taman Melaka Raya, dalam tempoh Jun 2017 hingga September 2022.

Dia didakwa mengikut Seksyen 16(a) (A) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 dan boleh dihukum mengikut Seksyen 24 (1) akta sama, yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000, mana-mana lebih tinggi, jika sabit kesalahan.

Mahkamah kemudian menetapkan jaminan RM87,000 dengan seorang penjamin berserta syarat dipohon pendakwaan.

Kes ditetapkan untuk sebutan semula pada 11 April ini.



HARIAN METRO

20.02.2025 (KHAMIS)

Banduan nafi rasuah anggota polis RM3,700

Johor Bahru: Seorang banduan dihadapkan ke Mahkamah Sesyen, semalam atas tuduhan memberi suapan kepada pegawai rendah polis di Segamat, tahun lalu.

Tertuduh, Samsuri Arifin, 48, yang sedang menjalani hukuman penjara dua tahun akibat kesalahan dadah bagaimanapun mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Datuk Ahmad Kamal Arifin Ismail.

Berdasarkan kertas pertuduhan, lelaki itu didakwa secara rasuah memberi suapan berjumlah RM3,700 kepada seorang sarjan sebagai dorongan untuk melepaskan dirinya yang ditahan kerana memiliki dadah.

Perbuatan itu didakwa dilakukan di pejabat Unit Rondaan Bermotosikal, Ibu Pejabat Polis Daerah Segamat pada jam 6.55 petang, 14 Oktober 2024.

Tertuduh didakwa mengikut Seksyen 17(b) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 dan boleh dihukum mengikut Seksyen 24(1) akta sama yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000 mengikut mana yang lebih tinggi jika sabit kesalahan.

Pegawai Pendakwa SPM, Muhammad Faizal Kamaruzaman tidak menawarkan sebarang jaminan.



HARIAN METRO

21.02.2025 (JUMAAT)

Johor Bahru: Seorang juruteknik membaiki mesin permainan dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas tuduhan memberi suapan kepada seorang pembantu penguatkuasa Majlis Bandaraya Iskandar Puteri (MBIP) tahun lalu.

Tertuduh, Chong Kin Yeong, 46, bagaimanapun mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan dibacakan jurubahasa mahkamah di hadapan Hakim Datuk Ahmad Kamal Arifin Ismail.

Berdasarkan kertas pertuduhan, lelaki itu didakwa secara rasuah memberi suapan sebanyak RM4,000 kepada seorang pembantu penguatkuasa MBIP sebagai dorongan tidak mengambil tindakan sitaan terhadap mesin permainan yang melanggar syarat sah lesen.

Perbuatan itu didakwa dilakukan tertuduh di premis kedai mainan berke-



CHONG diiring anggota SPRM di mahkamah semalam.

Beri RM4,000 elak mesin mainan disita

naan di Taman Sutera Utama, Skudai di sini pada jam 10.30 malam, 21 Mac 2024.

Bagi perbuatan itu, tertuduh didakwa mengikut Seksyen 17(b) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 dan boleh dihukum mengikut Seksyen 24(1) akta sama yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 20 tahun dan denda

tidak kurang lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000 mengikut mana lebih tinggi, jika sabit kesalahan.

Pegawai Pendakwa SPRM, Ameera D'Aneez Mohd Shukari tidak menawarkan sebarang jaminan memandangkan kesalahan tertuduh tidak dibenarkan jamin.

Peguam Wong Joon Wye

yang mewakili tertuduh, bagaimanapun memohon jaminan dibenarkan atas alasan anak guamnya memberikan kerjasama kepada SPRM dan tidak mempunyai alasan untuk melarikan diri.

"Tertuduh menyara seorang isteri yang tidak bekerja serta tiga orang anak dengan pendapatan RM3,000 sebulan.

"Jadi saya mohon mahkamah benarkan jaminan sebanyak RM5,000," katanya.

Mahkamah kemudian membenarkan tertuduh diikat jamin sebanyak RM7,000 dengan seorang penjamin warga tempatan, serta syarat tambahan iaitu perlu melapor diri di Pejabat SPRM Johor sebulan sekali, selain pasport antarabangsa diserahkan ke mahkamah.

Hakim turut menetapkan 19 Mac depan untuk sebutan semula kes bagi serahan dokumen.



HARIAN METRO
21.02.2025 (JUMAAT)

AHMAD Zukhairi (kiri) bersama bapanya Mohd Arif didakwa bersubahat terima rasuah berjumlah RM627,636, sembilan tahun lalu. - Gambar NSTP/MOHD FADLI HAMZAH.

Bekas KSU dilepas, dibebas

Anak dipenjara 4 tahun, denda RM9.6 juta terhadap empat pertuduhan rasuah

Oleh Suraya Roslan
surayaroslan@mediaprima.com.my

Putrajaya

Bekas Ketua Setiausaha (KSU) Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW), Datuk Mohd Arif Ab Rahman dilepas dan dibebaskan oleh Mahkamah Rayuan di sini, semalam, daripada tuduhan bersubahat dengan anak lelakinya menerima rasuah berjumlah RM627,636, sembilan tahun lalu.

Panel tiga hakim diutus Datuk Vazeer Alam Mydin Meera (kini Hakim Mahkamah Persekutuan), Datuk Lim Chong Fong, dan Datuk Azizul Azmi Adnan dalam keputusan sebulat suara membenarkan rayuan Mohd Arif Ab Rahman, 68, untuk membantalkan sabitan dan hukuman penjara terhadapnya.

Bagaimanapun, mahkamah sama menolak rayuan anak lelakinya, Ahmad Zukhairi, 43, dan dihukum penjara empat tahun dan denda RM9.6 juta terhadap empat pertuduhan meminta dan menerima rasuah berhubung beberapa projek membabitkan Kementerian Pembangunan Luar Bandar pada 2016.

Mahkamah sama mengurangkan hukuman da-

ripada lima tahun kepada empat tahun penjara bagi keempat-empat pertuduhan manakala denda RM9.6 juta dikekalkan, bagaimanapun mahkamah mengurangkan kepada enam tahun penjara sekiranya gagal membayar denda berbanding 10 tahun penjara sebelum ini.

Mohd Arif dan Ahmad Zukhairi merayu terhadap keputusan Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur pada 14 November 2018 yang menjatuhkan hukuman penjara tiga tahun dan denda RM3 juta ke atas Mohd Arif dan penjara lima tahun dan denda RM9.6 juta terhadap anak sulungnya itu.

Azizul Azmi ketika membacakan keputusan itu berkata, keterangan mengikut keadaan tidak cukup untuk membuktikan Mohd Arif bersubahat dengan anaknya mengambil rasuah itu.

"Oleh itu, rayuan perayu pertama (Mohd Arif) diiterima (dilepas dan dibebaskan), manakala rayuan perayu kedua (Ahmad Zukhairi) ditolak mahkamah," katanya.

Sementara itu, peguam Zamani Ibrahim mewakili Ahmad Zukhairi memohon hukuman terhadapnya anak guamnya dikurangkan atas alasan bagi memberi peluang kedua kepada perayu selain dia menanggung dua anak.



BERITA HARIAN

21.02.2025 (JUMAAT)

Bekas KSU bebas tuduhan subahat terima rasuah

Putrajaya: Bekas Ketua Setiausaha (KSU) Kementerian Kemanjangan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW), Datuk Mohd Arif Ab Rahman, semalam, dilepas dan dibebaskan oleh Mahkamah Rayuan daripada tuduhan ber-subahat dengan anak lelakinya menerima rasuah RM627,636, sembilan tahun lalu.

Panel tiga hakim diketuai Datuk Vazeer Alam Mydin Meera (kini Hakim Mahkamah Persekutuan), Datuk Lim Chong Fong, dan Datuk Azizul Azmi Adnan dalam keputusan sebutan suara membenarkan rayuan Mohd Arif, 68, untuk membatalkan sabitan dan hukuman penjara terhadapnya.

Bagaimanapun, mahkamah sama menolak rayuan anak lelakinya, Ahmad Zukhairi, 43, dan dihukum penjara empat tahun serta denda RM9.6 juta terhadap empat pertuduhan meminta dan menerima rasuah berhubung beberapa projek membabitkan Kementerian Pembangunan Luar Bandar pada 2016.

Mahkamah sama mengurangkan hukuman penjara dari lima tahun kepada empat tahun bagi keempat-empat pertuduhan, manakala denda RM9.6 juta dikenakan.

Mahkamah turut mengurangkan hukuman kepada enam tahun penjara sekiranya gagal membayar denda berbanding 10 tahun penjara sebelum ini.

Mohd Arif dan Ahmad Zukhairi merayu terhadap keputusan Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur pada 14 November 2018 yang menjatuhkan hukuman penjara tiga tahun dan denda RM3 juta ke atas Mohd Arif dan penjara lima tahun dan denda RM9.6 juta terhadap anak sulungnya itu.

Azizul Azmi ketika membacakan keputusan itu berkata, keterangan mengikut keadaan tidak cukup untuk membuktikan Mohd Arif bersubahat dengan anaknya mengambil rasuah itu.

"Oleh itu, rayuan perayu pertama (Mohd Arif) diterima (dilepas dan dibebaskan), manakala rayuan perayu kedua (Ahmad Zukhairi) ditolak mahkamah," katanya.

Sementara itu, peguam Zamani Ibrahim mewakili Ahmad Zukhairi, memohon hukuman terhadapnya anak guamnya dikurangkan atas alasan bagi memberi peluang kedua kepada perayu selain menanggung dua anak.

Bagaimanapun, Timbalan



Mohd Arif hadir ke Mahkamah Rayuan Putrajaya, semalam.

(Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)

Pendakwa Raya, Datuk Wan Shaharuddin Wan Ladin, berkata hukuman yang dikenakan terhadap perayu kedua (Ahmad Zukhairi) adalah setimpal.

"Mengambil kira umur perayu, insya-Allah dia akan menjadi manusia berguna kepada masyarakat selepas dibebaskan nanti, mengambil kira Ramadan terdekat ini," katanya.

Sebelum itu, Ahmad Zukhairi dilihat menangis dan memeluk ahli keluarganya sebelum dihantar ke penjara.

Mengikut pertuduhan, Mohd

Arif didakwa bersubahat dengan Ahmad Zukhairi menerima rasuah berjumlah RM627,636 di Royal Lake Club, Jalan Cenderamulia, Kuala Lumpur antara jam 4 petang dan 7 malam pada 23 Ogos 2016.

Ahmad Zukhairi didakwa atas empat pertuduhan iaitu pertuduhan pertama, didakwa menerima suapan wang tunai dolar Singapura jumlah sama daripada Pengarah Wazlina Sdn Bhd (Wazlina), Datuk Mohd Safian Mohd Salleh pada masa, tarikh dan tempat sama.

Suapan itu sebagai upah untuk Ahmad Zukhairi dan bapanya kerana memberikan projek Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) Sistem Solar Hibrid di empat pulau terpencil di Sandakan, Sabah bernilai RM60 juta kepada syarikat sekutunya, Eramaz Sdn Bhd (Eramaz).

Bagi pertuduhan kedua, ahli perniagaan itu didakwa meminta suapan dua peratus bernilai RM1.2 juta daripada Mohd Safian sebagai upah beliau dan bapanya kerana membantu Eramaz mendapat Projek BELB di Dorsett Grand Subang Hotel, Subang Jaya pada 17 Mac 2016.

Pertuduhan ketiga dan keempat, Ahmad Zukhairi didakwa menerima wang tunai RM130,000 daripada kontraktor Zul Fadli Rozi sebagai upah membantu syarikat HH Global Construction Sdn Bhd untuk mendapatkan projek cadangan membina dan menyiapkan Daerah Rekreasi di Tasik Kenyir, Terengganu.

Perbuatan itu didakwa dilakukan di Permaj Golf & Country Club, Kota Kemuning jam 8 pagi, 18 Ogos 2016 dan di Garden Course Glenmarie Golf & Country Club, Shah Alam pada September 2016.



SINAR HARIAN
24.02.2025 (ISNIIN)

Sinar Harian
24/2/2025
18nm

SPRM tahan empat pegawai bekas PM9

Bagi membantu siasatan berkaitan kes disyaki terlibat rasuah

Oleh MUHAMMAD AMINNURALIFF MOHD ZOKI PUTRAJAYA

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan empat pegawai yang mempunyai kaitan dengan Perdana Menteri kesembilan, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, kerana disyaki terlibat rasuah.

Sumber rapat SPRM memaklumkan perintah reman terhadap empat individu itu dikeluarkan di Mahkamah Putrajaya oleh Majistret Irza Zulaikha pada Jumaat lepas.

"Reman lima hari bermula Jumaat untuk tiga individu, manakala seorang



AZAM

lagi direman selama tiga hari dan dilepaskan hari ini (Ahad)," menurut sumber terbabit.

Sementara itu, Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki ketika dihubungi mengesahkan pernahanan dan memaklumkan kes disiasat di bawah Seksyen 16a Akta SPRM.

Seksyen berkenaan memperuntukkan siasatan melibatkan meminta atau menerima rasuah.

"Kami memohon agar pihak SPRM diberikan ruang untuk menjalankan siasatan tanpa sebarang spekulasi," katanya.



HARIAN METRO
24.02.2025 (ISNIIN)

4 bekas pegawai PM9 kena tahan

Tiga individu direman selama 5 hari manakala seorang direman 3 hari dan dibebas semalam

Oleh Muhamad Hafis Nawawi
mhafis@mediaprima.com.my

Kuala Lumpur

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan empat bekas pegawai yang mempunyai kaitan dengan bekas Perdana Menteri ke-9, Datuk Seri Ismail

Sabri Yaakob. Sumber rapat SPRM mengesahkan penahanan empat pegawai terbabit dan sudah mendapatkan perintah reman ke atas mereka di Mahkamah Putrajaya kelmarin.

Menurut sumber, perintah reman itu dikeluarkan Majistret Izzat Zulaikha untuk lima hari bermula Jumaat lalu untuk tiga individu, manakala seorang lagi direman tiga hari dan dibebas semalam.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Bakri mengesahkan perkara ini dan kes disiasat mengikut Seksyen 16a Akta SPRM.

"Kami memohon supaya pihak SPRM diberikan ruang untuk menjalankan siasatan tanpa sebarang spekulasi," katanya ketika dihubungi semalam.



MCW sokong siasatan SPRM

Kuala Lumpur: Pemerhati Rasuah Malaysia (MCW) mengambil maklum mengenai penahanan empat pegawai bekas Perdana Menteri ke-9 oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bagi membantu siasatan kes penyelewengan dana kerajaan.

Presidennya, Jais Abdul Karim berkata, perkembangan ini mencerminkan usaha berterusan SPRM dalam memberantas rasuah tanpa mengira individu atau kedudukan mereka.

Menurutnya, MCW menyoh-

kong penuh siasatan yang dijalankan dan menegaskan bahawa integriti serta ketelusan dalam pentadbiran negara harus menjadi keutamaan.

"Sebarang salah guna kuasa atau penyelewengan dana awam perlu ditangani dengan tegas bagi memastikan kepercayaan rakyat terhadap institusi kerajaan tidak terhakis."

"Dalam hal ini, MCW menggesa ketelusan dalam proses siasatan di mana SPRM perlu memastikan siasatan dijalankan secara bebas, adil dan telus, serta memaklumkan perkembangan kes kepada rakyat secara berkala," katanya dalam kenyataan semalam.

Jais berkata, jika terdapat bukti kukuh, pihak yang terlibat harus dihadapkan ke mahkamah tanpa sebarang kompromi. Rasuah tidak boleh dilindungi atas dasar politik atau jawatan.

"Kejadian seperti ini menunjukkan keperluan untuk memperkuuh sistem semak dan imbang dalam pengurusan dana awam. MCW menyoh supaya reformasi institusi dilaksanakan dengan lebih menyeluruh."

"MCW juga mengingatkan semua pemimpin dan penjawat awam bahawa amanah yang diberikan rakyat tidak boleh disalahgunakan demi kepentingan peribadi atau kelompok tertentu. Keutamaan harus diberikan kepada kepentingan negara dan kesejahteraan rakyat," katanya.





BERITA HARIAN

25.02.2025 (SELASA)

311 penjawat awam kena tindakan tatatertib

Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) mengenakan tindakan tatatertib terhadap 311 pegawai kerajaan terbabit salah guna kuasa sehingga menyebabkan ketirisan dana awam seperti didedahkan dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN).

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi), M Kulasegaran, berkata setakat 14 Januari lalu, antara tindakan berkenaan adalah amaran, den-

da, tangguh pergerakan gaji, turun pangkat dan dibuang kerja.

Beliau yang juga Ahli Parlimen Ipoh Barat berkata, dua penjawat awam sudah dijatuhi hukuman oleh mahkamah atas tuduhan berkait salah laku dana awam.

“Integriti pegawai dan kakitangan kerajaan sangat mustahak, tidak ada kompromi dalam hal ini, tetapi yang menyusahkan perkara ini ialah persekitaran disana.

“Ini tindakan diketahui Ketua Audit Negara dan perkara ini sudah diambil tindakan,” katanya menjawab soalan tambahan S Kesavan (PH-Sungai Siput) di Dewan Rakyat, semalam.

Kulasegaran berkata, berdasarkan statistik sejak 2012 hingga Januari lalu, sejumlah 12,393 isu berkait ketirisan dana awam dikemukakan melalui LKAN.

Daripada jumlah itu, 11,564 isu selesai, 799 masih diusul, manakala bagi tindakan pula, sehing-

ga semalam, 32 isu disiasat Polis Diraja Malaysia (PDRM), 138 disiasat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan 116 isu disiasat jawatankuasa khas.

Menjawab soalan asal Jamaludin Yahya (PN-Pasir Salak), beliau berkata, kerajaan memberi tumpuan memastikan tatakelola pentadbiran awam ditambah baik dan dipertingkat melalui pelbagai reformasi institusi dan memperkenalkan inisiatif baharu.



BERITA HARIAN

25.02.2025 (SELASA)

SPRM sita lebih RM100j dari rumah bekas pegawai kanan Ismail Sabri

Orang kenamaan antara beberapa lagi individu akan dipanggil beri keterangan

Oleh Jassmine Shadiqe dan Iah Hafiz Aziz
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Wang tunai lebih RM100 juta disyaki ada kaitan dengan dana politik, disita Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) ketika menggeledah sebuah rumah milik bekas pegawai kanan kepada Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob ketika menjadi Perdana Menteri ke-9.

Sumber berkata, wang berkenaan ditemui dalam beberapa

bahagian beg dan peti besi yang terletak dalam beberapa bilik di kediaman itu.

Selain wang tunai berkenaan, pasukan serbu SPRM turut merampas dokumen, barang kemas dan peranti elektronik dari kediaman terbabit.

Serbu terhadap kediaman itu dilakukan SPRM hasil siasatan berterusan dan pemantauan selama beberapa bulan terhadap dakwaan salah guna kuasa dan pengubahan wang haram membabitkan bekas pegawai kanan terbabit ketika era pentadbiran Ismail Sabri.

"Penyiasat sedang meneliti sumber wang tunai berkenaan, termasuk kemungkinan ada kaitan dengan dana politik, selain peranan dimainkan bekas pegawai kanan berkenaan terhadap dana yang dirampas itu," kata sumber kepada *New Straits Times* (NST).

Kelmarin, Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki, meng-

2 Datuk antara 4 bekas pegawai kanan Ismail Sabri kena tahan



Keratan akbar BH semalam.

esahkan penahanan empat orang, termasuk dua bergelar Datuk yang berkhidmat sebagai pegawai kanan ketika pentadbiran Ismail Sabri sebagai Perdana Menteri.

Turut ditahan adalah bekas pegawai kanan yang kini menjadi pegawai eksekutif sebuah yayasan serta seorang wanita yang juga pembantu kepada pegawai bergelar Datuk itu.

Penahanan mereka dibuat SPRM mengikut Seksyen 16(a) Akta SPRM dan Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Kega-

nas, dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLA-TFPUAA).

"Mereka ditahan bagi membantu siasatan berhubung kemungkinan rasuah dan pengubahan wang haram," kata Azam.

Walaupun tidak menyatakan jumlah sebenar wang yang terlibat, Azam dilaporkan berkata, ia adalah 'jumlah yang besar'.

Panggil orang kenamaan

Sementara itu, ketika dihubungi BH semalam, Azam berkata, orang kenamaan adalah di antara beberapa lagi individu akan dipanggil memberi keterangan kepada suruhanjaya itu dalam tempoh terdekat.

Katanya, ketika ini, penyiasat SPRM sedang merakamkan keterangan daripada tiga suspek, termasuk dua bergelar Datuk yang masih dalam tahanan reman sehingga hari ini, selepas seorang wanita yang ditahan ber-

sama dibebaskan sejurus tempoh reman berakhir kelmarin.

"Ya, pastinya akan ada beberapa individu yang akan dipanggil kerana siasatan masih berjalan. Saksi-saksi ini akan dipanggil tidak lama lagi," katanya yang enggan mengulas siapa saksi kenamaan berkenaan.

Beliau juga enggan mengulas mengenai rampasan wang tunai dalam jumlah yang besar dilakukan pegawainya dalam siasatan yang dijalankan setakat ini.

Pada Januari 2024, media melaporkan SPRM menjalankan siasatan berhubung isu penggunaan dana kerajaan berjumlah RM700 juta bagi tujuan promosi dan publisiti oleh pentadbiran kerajaan yang terdahulu.

SPRM ketika itu juga mendapat beberapa dokumen dari pada Kementerian Kewangan dan Jabatan Perdana Menteri (JPM) bagi meneliti bagaimana kelulusan serta perbelanjaan dana itu dibuat.



SINAR HARIAN

25.02.2025 (SELASA)

Kilang e-waste sebesar 16 padang bola digempur

420 pekerja asing ditahan dalam operasi JIM bersama SPRM

Oleh MUHAMMAD AFHAM RAMLI dan HISYAMUDDIN AYUB

SEGAMAT

Kilang disyaki memproses sampah elektronik (e-waste) dianggar berkeluasan 16 padang bola sepak di Jalan Buloh Kasap di sini, antara 10 buah kilang yang digempur pada Isnin.

Serbuhan dijalankan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dengan kerjasama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) hasil risikan selama tiga bulan.

Selain serbuhan di Segamat, Johor, operasi secara serentak turut dilaksanakan ke atas dua buah kilang e-waste di Telok Panglima Garang di Selangor.

Tinjauan Sinar Harian semasa operasi di Segamat, mendapat terdapat premis kilang yang turut menempatkan beberapa blok asrama pekerja yang daif dan kotor.

Setiap bilik menempatkan katil dua tingkat selain alatan memasak yang berterburu selain terdapat sambungan wayar elektrik yang merisikkan nyawa.

Malah, ada antara warga asing yang cedera dipercaya terpijak serpihan e-waste ketika cuba melarikan diri daripada dicekup.

Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) Imigresen, Jafri Embok Taha berkata, serbuhan bermula jam 9 pagi melibatkan 314 keanggotaan JIM dari setiap negeri di Semenanjung bertindak memeniksa 753 individu.

Katanya, secara keseluruhan 420 warga asing disyaki pendatang asing



Salah sebuah kilang dipercaya memproses e-waste yang diserbu oleh Jabatan Imigresen dengan kerjasama SPRM di Segamat, Johor pada Isnin.

tanpa izin (PATI) berusia lingkungan 20 hingga 30-an telah ditahan atas pelbagai kesalahan seperti tinggal lebih masa, tiada dokumen serta salah guna pas.

"Majoriti tangkapan warga asing ialah Bangladesh, Myanmar dan Nepal.

"Kesemua tangkapan ini dibawa ke Depot Imigresen Machap Umboo, Melaka serta Depot Imigresen Pekan Nenas, Johor," katanya ketika ditemui pemberita di lokasi serbuhan di sini, pada Isnin.

Beliau berkata, selain itu, JIM turut menahan lima warga tempatan berusia lingkungan 30-an termasuk dua wanita disyaki berperanan bagi menguruskan warga asing terbabit.

Tegasnya, tindakan diambil mengikut Akta Imigresen 1959/63 dan Peraturan 39(b) Peraturan Imigresen 1963.

Mengulas mengenai cabaran ketika serbuhan dilaksanakan, Jafri berkata, terdapat cubaan warga asing melarikan diri, bersembunyi di timbunan e-waste



Antara barang disyaki e-waste yang ditemui dalam serbuhan pihak berkuasa di sebuah kilang di Segamat, pada Isnin.

serta terjun ke dalam longkang.

"Ini (Jalan Buloh Kasap) kilang paling besar seluas kira-kira 16 padang bola sepak membabitkan dua kilang," katanya.



SINAR HARIAN
26.02.2025 (RABU)

Penolong jurutera JKR hadapi 48 tuduhan

KUANTAN - Seorang penjawat awam dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini pada Selasa atas 48 pertuduhan menerima wang tunai RM270,400 tanpa balasan daripada individu yang mempunyai hubungan dengan tugas rasminya sebagai Penolong Jurutera Kanan, Jabatan Kerja Raya (JKR) Raub.

Bagaimanapun, tertuduh, Mohd Farisyal Mohd Alias, 46, mengaku tidak bersalah di hadapan Hakim Sazlina Safie.

Berdasarkan pertuduhan, tertuduh didakwa menerima RM500 hingga RM25,000 daripada individu terlibat antara Disember 2019 hingga Disember 2022.

Semua transaksi bayaran dilakukan secara dalam talian melalui akaun bank sebuah syarikat ke akaun bank miliknya.

Bagi kesalahan itu, tertuduh didakwa mengikut Seksyen 165 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan



Mohd Farisyal (tengah) didakwa dengan 48 tuduhan terima wang lebih RM270,000 di Mahkamah Sesyen Kuantan pada Selasa.

hukuman penjara sehingga dua tahun, denda atau kedua-duanya sekali.

Pendakwaan dilakukan Timbalan Pendakwa Raya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Ezuain Farhana Ahmad.

Ketika prosiding, pihak

pendakwaan menawarkan jaminan RM40,000 bagi semua pertuduhan berserta syarat tambahan.

Namun, peguam Mohamed Falihin Kamil Mohamed Sazali yang mewakili tertuduh memohon mahkamah mempertimbangkan jaminan lebih ren-

dah dengan alasan anak guamnya menyara isteri dan tiga anak masih bersekolah dengan pendapatan RM5,900 sebulan.

Selain itu, katanya, tertuduh kini bertugas di Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Raub mempunyai rekod masing kesihatan berkaitan janjang.

Hakim kemudian membenarkan tertuduh diikat jamin RM28,000 dengan seorang penjamin dan perlu melaporkan diri ke pejabat SPRM Raub pada Isnin minggu pertama setiap bulan sehingga kes selesai.

Selain itu, tertuduh juga tidak dibenarkan bercakap atau menghubungi pengadu dan saksi pendakwaan kecuali pegawai penyiasat sepanjang perbicaraan selain petlu menyerahkan pasport antarabangsa kepada mahkamah.

Mahkamah menetapkan 17 April depan sebagai tarikh sebutan dan serahan dokumen.



HARIAN METRO
26.02.2025 (RABU)

Penjawat awam nafi terima RM RM270,400

Kuantan: Seorang penjawat awam didakwa di Mahkamah Sesyen, di sini, semalam, atas 48 pertuduhan menerima wang yang keseluruhananya berjumlah RM270,400 sejak September 2019 hingga Disember 2022.

Tertuduh, Mohd Farisyal Mohd Alias, 46, bagaimanapun mengaku tidak bersalah dan mohon dibicarakan ketika pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Sazlina Safie.

Mengikut pertuduhan, tertuduh yang ketika itu bertugas sebagai penolong jurutera kanan Jabatan Kerja Raya daerah Raub didakwa menerima untuk dirinya suatu benda berharga iaitu wang antara RM500 dan RM25,000 secara dalam talian daripada seorang individu yang mempunyai hubungan dengan kerja rasmi tertuduh.

Semua kesalahan itu dilakukan di sebuah bank di Raub antara September 2019 dan Disember 2022.

Bapa tiga anak itu didakwa mengikut Seksyen 165 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman tidak melebihi penjara dua tahun, denda atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pegawai Pendakwa Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Ezuain Farhana Ahmad manakala tertuduh diwakili peguam Mohd Falihin Kamil Mohamed Sazali.

Ezuain Farhana kemudian mencadangkan jaminan RM40,000 dengan seorang penjamin dan tertuduh diminta melaporkan diri di pejabat SPM berhampiran setiap bulan,

tidak dibenarkan bercakap atau menghubungi saksi serta menyerahkan pasport kepada mahkamah sehingga kes selesai.

Bagaimanapun, Mohd Falihin Kamil meminta wang jaminan dikurangkan kerana anak guamnya yang kini bertugas di jabatan lain di Raub menanggung isteri yang tidak bekerja dan tiga anak masih bersekolah.

Sazlina kemudiannya menetapkan jaminan RM28,000 bagi semua pertuduhan dan memerintahkan tertuduh melaporkan diri di pejabat SPM Raub setiap bulan, tidak mengganggu saksi pendakwaan dan menyerahkan pasportnya ke mahkamah.

Mahkamah menetapkan 17 April depan untuk sebutan semula kes.



HARIAN METRO
26.02.2025 (RABU)

Disyaki salah guna kuasa sebabkan rugi RM500k

Johor Bahru: Penolong jurutera sebuah universiti awam (UA) di sini, ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) kelmarin kerana dipercuryai menyalah guna kuasanya dalam sebuah projek binaan menaik taraf infrastruktur di institusi itu.

Sumber SPRM berkata, suspek lelaki berusia 44 tahun itu ditahan jam 7 malam di Pejabat SPRM Johor.

Menurut sumber lagi, lelaki itu ditahan atas kesalahan salah guna kuasa menyebabkan universiti itu menanggung kerugian.

"Suspek menggunakan kuasa dan kedudukannya sebagai wakil universiti bagi sebuah projek menaik taraf infrastruktur dan sistem mekanikal, elektrikal serta teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) bernilai lebih RM13 juta.

"Suspek dipercayai melupuskan sisa binaan projek berkenaan sehingga



PENOLONG jurutera sebuah universiti awam dibawa ke Kompleks Mahkamah Johor Bahru.

menyebabkan pihak universiti mengalami kerugian dianggarkan sehingga RM500,000," kata sumber terbabit.

Pengarah SPRM Johor, Datuk Azmi Alias ketika di-

hubungi mengesahkan pernahan terbabit.

Sementara itu, suspek direman tujuh hari bermula semalam bagi membantu siasatan yang dijalankan mengikut Seksyen 23 Akta

SPRM 2009.

Majistret Nur Fatin Mohamad Farid membenarkan permohonan berkenaan selepas SPRM mengemukakan permohonan pagi semalam.



HARIAN METRO

26.02.2025 (RABU)

SPRM bebaskan tiga bekas pegawai kanan Ismail Sabri

Kuala Lumpur: Tiga bekas pegawai kanan yang mempunyai kaitan dengan bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob yang ditahan reman sejak Jumaat lalu, kerana disyaki terlibat rasuah, dibebaskan semalam.

Sumber Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) memaklumkan mereka dibebaskan selepas memberi keterangan, dan pada masa yang sama, tempoh reman mereka

ka juga berakhir semalam.

"SPRM akan mengumumkan penemuan kes ini nanti. Buat masa ini, siasatan masih diteruskan," kata sumber ketika dihubungi semalam.

Pada Ahad lalu, media melaporkan empat pegawai yang mempunyai kaitan dengan Ismail Sabri ditahan reman sejak Jumaat lalu kerana disyaki terabit rasuah, dengan seorang daripada mereka dibebaskan pada 23 Februari.

SPRM bagaimanapun

belum mengeluarkan sebarang penemuan termasuk nilai wang atau aset yang dijumpai, selain tidak menolak kemungkinan beberapa saksi lain akan dipanggil untuk membantu siasatan.

Siasatan dijalankan mengikut Seksyen 16(a) Akta SPRM 2009 dan Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLATFP-UAA). BERNAMA



HARIAN METRO
26.02.2025 (RABU)

Kegiatan proses,
lupuskan sisa
elektronik tidak
dibenarkan

Oleh NOR FARHANA
YA'ACOB
MELAKA

Pengarah syarikat bergelar 'Datuk' bersama 17 individu direman enam hari bermula Selasa kerana disyaki menyogok penguat kuasa untuk memproses dan melupuskan sisa elektronik yang tidak dibenarkan.

Perintah reman sehingga Ahad ini dikeluarkan Majistret Sharda Shienha Mohd Suleiman terhadap mereka yang terdiri daripada lima wanita dan 13 lelaki berusia antara 34 dan 62 tahun.

Terdahulu kesemua suspek

Sinar Harian - 26/2/2025 - Rabu

Datuk, 17 individu direman disyaki sogok penguat kuasa

memakai pakaian lokap berwarna jingga dibawa ke Mahkamah Melaka dengan menaiki tiga buah kenderaan milik Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Sumber berkata, kesemua suspek ditahan selepas dibawa ke pejabat SPRM Melaka di Alai untuk memberi keterangan antara jam 7 malam dan 11 malam Isnin.

Sinar Harian pada Isnin melaporkan pemilik syarikat serta pegawai dagang adalah antara 16 individu ditahan SPRM untuk siasatan kes rasuah penguat kuasa membabitkan kegiatan

memproses serta melupuskan sampah elektronik (e-waste).

Penahanan semua suspek yang dilakukan di sekitar Johor dan Selangor itu hasil tindakan bersepadan SPRM bersama Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) menerusi Op X ke atas 12 buah premis.

Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM, Datuk Seri Ahmad Khusairi Yahaya berkata, premis-premis tersebut disyaki memproses dan melupuskan bahan-bahan mentah yang tidak dibenarkan seperti gentian kaca, plastik, besi dan logam.



Pengarah syarikat bergelar 'Datuk' dan 17 individu dibawa oleh SPRM ke Mahkamah Majistret Melaka, pada Selasa, untuk mendapatkan perintah reman.



SINAR HARIAN
26.02.2025 (RABU)

Bekas pegawai bank didakwa minta suapan lebih RM150,000



Mohd Rais (tengah) ketika dibawa keluar dari Mahkamah Sesyen Melaka pada Selasa.

MELAKA - Seorang bekas pegawai bank didakwa atas 26 tuduhan meminta suapan berjumlah RM153,622.47 dalam tempoh lima tahun di Mahkamah Sesyen di sini pada Selasa.

Tertuduh, Mohd Rais Mohamed Ramli, 44, mengaku tidak bersalah selepas semua pertuduhan terhadapnya dibacakan di hadapan Hakim Elesabet Paya Wan.

Berdasarkan pertuduhan, dia didakwa meminta suapan dari Tetuan Arizal Jailani & Co sebagai satu dorongan membantu firma guaman tersebut diberikan rujukan kes melibatkan kes urusan pinjaman perumahan dengan pihak Malaysia Building Society Bhd Bank (MBSB) oleh pegawai eksekutif bank yang berkhidmat di bawah seliaannya.

Semua kesalahan itu didakwa dilakukan di Restoran 35, G22, Jalan PM5, Plaza Mahkota antara Januari 2018 hingga Disember 2023.

Pendakwaan dijalankan mengikut Seksyen 16(a)(A) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 20 tahun, denda tidak kurang lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000 yang mana lebih tinggi, jika sabit kesalahan.

Terdahulu, Timbalan Pendakwa Raya SPM, Fatin Nur Athirah Zainudin menawarkan jaminan RM100,000 dengan seorang penjamin dan syarat tambahan.

Namun, peguam, Andrew Lourdes yang mewakili tertuduh memohon jaminan dikurangkan kerana anak guamnya adalah penganggur sejak setahun lalu dan hanya menggunakan wang simpanan menyara keluarga.

Mahkamah kemudian memberarkan jaminan sebanyak RM37,000 dengan seorang penjamin dan menetapkan 9 April depan sebagai tarikh sebutan semula kes.



BERITA HARIAN
26.02.2025 (RABU)

Kes proses dan melupus sisa elektronik

Datuk antara 18 direman enam hari bantu siasatan

Suspek didakwa menyogok penguat kuasa untuk lindungi operasi haram

Oleh Meor Riduwan
Meor Ahmad
bhnews@bh.com.my

Ayer Keroh: Seorang pengarah syarikat bergelar Datuk bersama 17 individu lain direman enam hari bermula semalam bagi membantu siasatan atas dakwaan menyogok penguat kuasa berkaitan kes memproses dan melupus sisa elektronik (e-waste) yang tidak dibenarkan.

Perintah reman sehingga 2 Mac ini dikeluarkan Majistret Sharda Shienha Mohd Suleiman terhadap semua suspek terdiri daripada lima wanita dan 13 lelaki berusia antara 34 hingga 62 tahun itu selepas dimohon pegawai penyiasat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM).

Semua suspek tiba di Kompleks Mahkamah Melaka di sini jam 9.15 pagi semalam dengan menaiki tiga kenderaan SPRM.



Sebahagian suspek yang direman bagi membantu siasatan kes sogok penguat kuasa bagi melindungi perniagaan proses dan lupus sisa e-waste haram.

Semua suspek ditahan antara 7 malam dan 11 malam kelmarin selepas dibawa ke pejabat SPRM Melaka untuk dirakam keterangan berhubung kes itu yang kini disiasat mengikut Seksyen 16 (b) Akta SPRM 2009.

Kelmarin SPRM menerusi ope-

rasi bersepadu Op X dilaporkan menahan 18 individu termasuk pemilik syarikat dan pegawai dagang kerana disyaki terbabit merasuh penguat kuasa bagi melindungi perniagaan mereka itu laju memproses serta melupus sisa e-waste yang tidak dibenarkan.

Timbalan Pesuruhjaya (Operasi) SPRM, Datuk Seri Ahmad Khusairi Yahaya dipetik berkata, tangkapan dibuat hasil serbuan ke atas 12 premis sekitar Selangor dan Johor oleh pihaknya bersama Jabatan Imigresen Malaysia dan Jabatan Alam Sekitar.



BERITA HARIAN

28.02.2025 (JUMAAT)

Kes rasuah empat bekas pegawai PM ke-9

SPRM akan panggil 8 saksi bantu siasatan

Individu akan dirakam keterangan dalam tempoh terdekat

Oleh Nor Azizah Mokhtar
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Lapan individu akan dipanggil Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) untuk dirakam keterangan berhubung siasatan ke atas empat pegawai kanan Perdana Menteri ke-9.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Bakri, berkata lapan saksi itu akan dipanggil bagi membantu siasatan dalam tempoh terdekat seawal minggu ini.

"Kita akan memanggil lapan saksi dalam minggu ini dan minggu hadapan," katanya ke-

pada BH semalam.

Bagaimanapun, Azam tidak mendedahkan butiran mengenai identiti lapan individu terbabit.

Beliau berkata, Bahagian Pencegahan Wang Haram (AMILA) kini sedang meneliti dokumen yang dirampas membabitkan siasatan kes berkenaan.

"Dokumen sedang diteliti dan siasatan bukan sahaja di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009.

"Siasatan turut dijalankan mengikut Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan

Hasil daripada Aktiviti Haram 2001," katanya.

SPRM panggil sesiapa sahaja
Ditanya sama ada Perdana Menteri ke-9 akan dipanggil bagi membantu siasatan, Azam berkata SPRM akan memanggil sesiapa sahaja untuk memberi keterangan bagi membantu siasatan.

"Siasatan sedang berjalan dan saya tidak dapat memastikan bila ia akan dapat dilengkapkan," katanya.

Sabtu lalu, media melaporkan SPRM menahan empat bekas pegawai yang mempunyai kaitan

Siasatan turut dijalankan mengikut Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001

Azam Bakri,
Ketua Pesuruhjaya SPRM



dengan bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, kerana disyaki terbabit rasuah.

Sumber SPRM memaklumkan, perintah reman terhadap empat individu itu dikeluarkan di Mahkamah Putrajaya oleh Majistret Irza Zulaikha pada Jumaat lalu.

Tiga daripada individu itu, termasuk bergelar Datuk dibebaskan selepas tempoh tahanan reman tiga hari mereka berakhir, manakala seorang lagi sudah dibebaskan Ahad lalu.

Selain itu, SPRM dilaporkan menyita wang tunai lebih RM100 juta yang disyaki ada kaitan dengan dana politik dalam serbuan terhadap rumah milik bekas pegawai kanan kepada bekas Perdana Menteri berkenaan.

Wang itu ditemui dalam beberapa beg dan peti besar dalam bilik di kediaman itu, selain penyiasat SPRM turut merampas dokumen, barang kemas dan peranti elektronik ketika melakukan serbuan di kediaman terbabit.



BERITA HARIAN

28.02.2025 (JUMAAT)

Kes proses dan melupus sisa elektronik 5 penjawat awam ditahan

Kuala Lumpur: Lima penjawat awam ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), susulan penahanan 18 individu Selasa lalu, berhubung isu rasuah membabitkan kegiatan memproses dan melupus sisa elektronik (e-waste).

Semua suspek berusia antara 20 hingga 40-an itu disyaki meminta dan menerima rasuah sebagai balasan tidak mengambil tindakan penguatkuasaan terhadap kilang e-waste di sebuah negeri selatan tanah air.

Menurut sumber, suspek ditahan antara jam 7 hingga 9 malam kelmarin ketika hadir memberi keterangan di Pejabat SPM Melaka.

"Siasatan awal mendapati ada penjawat awam terbabit menerima rasuah secara *one off* antara RM1,000 sehingga RM20,000 sebagai balasan tidak mengambil tindakan penguatkuasaan

terhadap kilang e-waste berkenaan.

"Malah, ada juga antara pegawai itu dipercayai mengutip wang rasuah sebanyak RM12,000 sebulan daripada kilang-kilang itu," katanya.

Berikut itu, kelima-lima suspek ditahan reman selama enam hari bermula semalam sehingga 4 Mac ini bagi membantu siasatan lanjut.

Perintah reman dikeluarkan Majistret Nur Affiqah Radhiah Zainurin selepas permohonan dibuat SPM di Mahkamah Majistret Ayer Keroh, Melaka, semalam.

Sementara itu, Pengarah Kanan Bahagian Siasatan SPM, Datuk Zainul Darus ketika dihubungi mengesahkan penahanan terbabit.

Beliau berkata, kes disiasat mengikut Seksyen 16(b)(A) Akta SPM 2009.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraan Awam (JKDNKA) Bukit Aman, Datuk Seri Azmi Abu Kassim, berkata pihaknya menyiasat kemungkinan 47 kilang memproses e-waste haram yang diserbu serentak menerusi Operasi Hazard (Op Hazard) di seluruh negara baru-baru ini, diduduki sindiket yang sama.

Beliau tidak menolak kemungkinan terdapat satu rangkaian yang sama di sebalik operasi kilang yang diserbu.

"Kami sedang menyiasat kemungkinan syarikat yang mengendalikan kilang e-waste ini saling berkaitan.

"Siasatan masih dijalankan kami masih belum dapat membuat kesimpulan kilang-kilang ini beroperasi secara bersindiket," katanya ketika dihubungi semalam.